


**NILAI-NILAI PATRIOTISME DALAM FILEM *BUKIT  
KEPONG TAHUN 1981*: ANALISIS BERDASARKAN  
TEORI SOSIOLOGI**

**AYLA FAREEHA BT AHMAD RATHI**

**UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

**KELANTAN**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**NILAI-NILAI PATRIOTISME DALAM FILEM *BUKIT  
KEPONG TAHUN 1981*: ANALISIS BERDASARKAN  
TEORI SOSIOLOGI**

**Ayla Fareeha Bt Ahmad Rathi  
C20A1617**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi ijazah Sarjana muda  
Pengajian Warisan dengan kepujian  
(Kesusasteraan Warisan)**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |   |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | Dari tarikh_____sehingga_____<br>(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (mengandungi naklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*Ayla*

Tandatangan Pelajar

Nama: Ayla Fareeha Bt Ahmad Rathi

No. Kad Pengenalan: 000409-03-0652

Tarikh: 12 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

Nama: Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi

Tarikh: 20 Februari 2024

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Maha Penyayang dan Maha Pemurah Terlebih dahulu, bersyukur ke atas hadrat Ilahi kerana dengan limpahan dan kurnia-Nya yang dianugerahkan kepada kami untuk menyiapkan projek penyelidikan ini dengan penuh jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan terima kasih kepada Pensyarah elektif bagi projek penyelidikan iaitu Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi kerana telah banyak memberikan bimbingan kepada saya selaku penyelaras PP1 dan PP2 disamping telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada saya dari awal lagi sejak tugas mula diberikan sehinggalah dalam proses menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Saya amat bersyukur di atas peluang dan sokongan yang diberikan oleh-Nya, kerana dengan izin dan rahmat-Nya saya dapat sampai ke tahap ini dan berjaya menyiapkan kajian saya. Saya juga berterima kasih atas keupayaan untuk mengatasi sebarang cabaran dan ketidakpastian yang timbul semasa penyediaan laporan ini. Halangan yang saya hadapi telah mengajar saya tentang pentingnya kesabaran dan ganjaran yang diperolehi daripada ketabahan melalui kesukaran.

Selain itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah kerana telah berkongsi ilmu kepada saya sepanjang pengajian saya di UMK. Seterusnya, saya juga amat berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberikan sokongan dan dorongan terutamanya dari aspek kewangan dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu dengan perbincangan serta pendapat yang dikongsi bersama. Akhir sekali, harapan saya agar projek yang dihasilkan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan saya. Selain itu juga, harapan saya agar dapat memberi manfaat kepada diri saya sendiri serta kepada pengkaji akan datang agar dapat dijadikan sebagai panduan di samping menyampaikan maklumat bukan sahaja dalam proses pembelajaran malah kepada masyarakat setempat khususnya.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	I
<b>PENGHARGAAN</b>	Ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI RAJAH</b>	V
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	Vi
<b>ABSTRAK</b>	Vii
<b>ABSTRACT</b>	viii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.7.1 Individu	16
1.7.2 Institusi	17
1.7.3 Masyarakat	18
1.7.4 Negara	
1.8 Definisi Operasional	19
1.8.1 Nilai	19
1.8.2 Filem	19
1.9 Organisasi Bab	20
1.10 Kesimpulan	21
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	23
2.2 Kajian Mengenai Nilai Patriotisme	24
2.3 Kajian Mengenai Filem	27
2.4 Kajian Mengenai Teori Sosiologi	30
2.5 Rumusan	35
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.3 Kaedah Kajian	42
3.4 Proses Pengumpulan Data	46
3.5 Kaedah Analisis Data	48
3.5.1 Tekstual	50
3.5.2 Struktural	51
3.5.3 Kaedah Analisis Teoritik	53
3.6 Instrumen Kajian	55
3.7 Rumusan	56

**BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pengenalan	57
4.2 Unsur-Unsur Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981	58
4.2.1 Sikap Rela Berkorban	58
4.2.2 Semangat cinta kepada negara	62
4.2.3 Semangat Kekitaan	65
4.2.4 Semangat Keberanian	69
4.3 Unsur-Unsur Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong Berdasarkan Teori Sosiologi	
4.3.1 Naratif Kehidupan Bermasyarakat	73
4.3.1.1 Nilai Persaudaraan	76
4.3.1.2 Nilai Muaakat dan Tolong Menolong	78
4.3.2 Gaya Hidup Bermasyarakat	81
4.3.3 Bahasa	83
4.3.4 Kesan dan Pengaruh	84
4.4 Kepentingan Nilai -Nilai Patriotisme dalam Teks Kususasteraan Filem Melayu	88
4.4.1 Melahirkan Ganerasi Yang Berani	89
4.4.2 Membentuk Ganerasi Muda Cinta Akan Tanah Air	91
4.4.3 Membangkitkan Semangat Perjuangan	94
4.4.4 Meningkatkan Semangat Kekitaan.	97

**BAB 5: RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	102
5.2 Hasil Perbincangan	105
5.3 Cadangan	109
5.3.1 Meluaskan Skop Kajian	109
5.3.2 Lebih Ramai Pengkaji Menghasilkan Genre Sastera	110
5.3.3 Bayangan Sudut Sosial	110
5.4 Implikasi Kajian	112
5.4.1 Manfaat Kepada Masyarakat	113
5.4.2 Nilai Kesan Kepada Individu	114
5.4.3 Manfaat Kepada Masyarakt	115
5.5 Kesimpulan	116
<b>RUJUKAN</b>	119

## **SENARAI RAJAH**

	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1: Kerangka Teori	39
Rajah 2: Jadual Pengumpulan Data	47
Rajah 3: Kerangka Pendekatan Sosiologi	75

## **SENARAI GAMBAR RAJAH**

	<b>HALAMAN</b>
Gambar Rajah 1: Tangkapan Layar	66
Gambar Rajah 2: Tangkapan Layar	71

**NILAI-NILAI PATRIOTISME DALAM FILEM *BUKIT KEPONG TAHUN 1981*: ANALISIS BERDASARKAN TEORI SOSIOLOGI**

**Abstrak**

Patriotisme merupakan elemen penting dalam proses mengekalkan perpaduan dan perasaan cinta dan kasih sayang terhadap negara. Penerapan nilai patriotisme sangat penting dalam memastikan keharmonian hidup dalam masyarakat berbilang kaum sesebuah negara. Terdapat beberapa kajian berkaitan dengan patriotisme yang telah dihasilkan oleh pengkaji terdahulu. Namun berkaitan dengan Bukit Kepong tidak ramai pengkaji mengetengahkan tajuk kajian analisis ini. Kajian ini dilakukan untuk meneroka kajian yang telah dilakukan berkaitan penerapan nilai patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981. Kajian ini telah menganalisis secara sistematik menggunakan analisis kandungan terhadap artikel berkaitan patriotisme yang telah dipilih untuk menjawab tiga objektif kajian iaitu unsur-unsur patriotisme, kaedah dapatan utama yang menggunakan Teori Sosiologi dan nilai patriotisme. Analisis yang dilakukan ke atas ini mendapati bahawa tema kajian adalah lebih bertumpu kepada tahap patriotisme. Kaedah kajian yang digunakan dalam mengkaji penerapan nilai patriotisme adalah kajian kualitatif. Manakala dalam dapatan utama berkaitan artikel yang dikaji menjurus kepada hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji. Berdasarkan dapatan kajian, penemuan kajian ini bertujuan untuk membantu pengkaji akan datang menjalankan penyelidikan berkaitan Filem Malaysia berunsur patriotisme dengan mencadangkan beberapa idea untuk kajian lebih lanjut.

**Kata Kunci:** perpaduan, patriotisme, jati diri, keharmonian hidup, negara, sosiobudaya, kualitatif, filem.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



**THE VALUES OF PATRIOTISM IN THE 1981 FILM BUKIT KEPONG: ANALYSIS  
BASED ON SOCIOLOGICAL THEORY**

**ABSTRACT**

*Patriotism is an important element in the process of maintaining unity and feelings of love and affection for the country. The application of patriotism is very important in ensuring the harmony of life in the multi-racial society of a country. There are several studies related to patriotism that have been produced by previous researchers. However, in relation to Bukit Kepong, not many researchers highlight the title of this analysis. This study was conducted to explore the research that has been conducted related to the application of patriotism in the Bukit Kepong Film 1981. This study has systematically analyzed using content analysis the articles related to patriotism that have been selected to answer the three objectives of the study which are the elements of patriotism, the main method of finding which using Sociological Theory and the value of patriotism. The above analysis found that the theme of the study is more focused on the level of patriotism. The research method used in studying the application of patriotism values is a qualitative study. While in the main findings related to the article studied, it leads to a significant relationship between the variables studied. Based on the findings of the study, the findings of this study aim to help future researchers carry out research related to Malaysian films with elements of patriotism by suggesting some ideas for further research.*

**Keywords:** *unity, patriotism, identity, harmony of life, country, socio-cultural, qualitative, film.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Nilai secara umumnya bermaksud sifat humanisme yang menyifatkan berperikemanusiaan dimana lebih mengutamakan kepada nilai-nilai, kepentingan maruah manusiawi dan tidak mementingkan nilai atau kekuasaan lain. Menurut kamus dewan bahasa dan pustaka menyatakan nilai merupakan sebuah prinsip moral, etika, dan nilai-nilai akhlak seseorang yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesebuah kumpulan manusia. Sebagai contoh adat, adab, atau berkaitan perilaku etika seseorang lebih dikaitkan dengan nilai. Menurut Max Scheler (1993) berpendapat nilai merupakan sesuatu gagasan emosi yang dialami secara konkrit dan hanya dirasai dengan jiwa seseorang secara umum. Max berkata lagi, nilai merupakan sebuah tampilan rasa yang diarahkan kepada sesuatu perasaan dan pengetahuan perasaan. Selain itu, menurut Kant memberi ujaran nilai adalah pengetahuan yang wujud sebelum pengalaman yang mungkin ditemukan pada nilai sesuatu jiwa peribadi yang tidak terbatas.

Perkataan patriotisme berasal daripada perkataan Yunani pater yang bermaksud "bapa". Ia menunjukkan sentimen berdasarkan kesetiaan kepada ibu bapa. Atas dasar perkataan pater, muncul perkataan Yunani patriotes yang bermaksud "sebangsa" dan perkataan patria yang merujuk kepada "tanah air" atau "negara". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, patriotisme didefinisikan sebagai rasa cinta yang mendalam terhadap tanah air, rasa kesetiaan kepada negara dan bangsa, semangat untuk mempertahankan kedaulatan negara, serta sikap yang menunjukkan kecintaan kepada negara. Patriotisme juga

melibatkan rasa bangga terhadap identiti kebangsaan dan semangat untuk berkorban demi negara.

Patriotisme merupakan salah satu asas terpenting dalam kehidupan sebuah kumpulan atau negara. Patriotisme dianggap sebagai nilai yang wajar, setiap kumpulan cuba menerapkannya dalam diri setiap ahlinya melalui mekanisme budaya, sosial dan politik. Sistem pendidikan juga secara umum cuba menyampaikan patriotisme sebagai nilai kepada generasi muda dengan secara formal mengagungkan kehidupan patriot dan menekankan kepentingan patriotisme untuk kelangsungan hidup sesebuah kumpulan. Dari semasa ke semasa pengorbanan patriotik dalam setiap kumpulan atau bangsa akan dianggap pencapaian tertinggi kerana dianggap melindungi negara dan bangsa. Oleh itu, setiap ahli kumpulan mungkin diminta untuk melepaskan kemudahan peribadi mereka, keinginan atau keperluan untuk membantu mencapai matlamat misi sesebuah kumpulan atas nama patriotisme. Perbuatan patriotik selalunya melibatkan pengorbanan muktamad seperti kesan kecederaan, pengalaman tragis, trauma dan kebiasaannya kesan yang lebih mendalam adalah kehilangan nyawa. Umumnya, patriot yang paling dihormati adalah mereka yang mengambil bahagian dalam peperangan atau perjuangan untuk kemerdekaan negara. Jelaslah, setiap bangsa mempunyai patriot sendiri yang dianggap sebagai wira negara. Unsur persejarahan kemasyarakatan adalah satu perkara yang ada hubungkait dengan sosiologi. Sosiologi adalah pengkajian mengenai hukum kemasyarakatan serta satu langkah sama dengannya.

Filem merupakan medium hiburan yang menggunakan kesan bunyi dan visual untuk mencipta kesan pergerakan berterusan semasa bercerita. Secara umumnya, filem berfungsi sebagai "cermin budaya" bagi tamadun yang menciptanya. Filem dibuat oleh pekerja yang mewakili komuniti mereka dan disediakan kepada orang ramai melalui kandungan naratif dan sinematik untuk ditonton, dibaca, dianalisis dan dipelajari oleh orang lain, menurut kenyataan

1995 oleh Naim Haji Ahmad. Filem ialah ciptaan artistik audio-visual. Selain menyediakan hiburan, filem mendokumentasikan sejarah negara dan rakyatnya serta menyebarkan pelbagai mesej kepada penduduk. Salah satunya adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang intipati. Filem adalah karya seni berbentuk audio dan visual. Selain hiburan, filem juga merakamkan semula sejarah bangsa dan negara serta berperanan menyebarkan pelbagai mesej kepada masyarakat. Antaranya adalah menyedarkan masyarakat tentang semangat patriotisme pada negara. Hal ini dinyatakan Mohd Daly et al. (2017: 570), bahawa penerbitan filem patriotisme bukan sahaja sebagai tontonan, malah mampu menyemai dan menyampaikan mesej cintakan negara. Selain perlakuan, penyampaian mesej boleh dilakukan melalui penyampaian dialog watak.

Menerusi filem Bukit Kepong (1981) arahan Tan Sri Jins Shamsuddin, nilai dan unsur patriotisme ini dapat dilihat apabila seluruh Pasukan Keanggotaan Polis di Balai Bukit Kepong dalam filem Bukit Kepong ini telah diketuai oleh Sarjan 3493 Jamil Bin Mohd Shah dan telah bekerjasama dengan pasukannya untuk menumpaskan musuh yang mengancam keamanan negara. Unsur patriotisme ini juga dapat dilihat apabila bermulanya arahan yang telah diberikan oleh Sarjan 3493 Jamil Bin Mohd Shah yang dilakonkan oleh Dato' Jins Shamsuddin pada permulaan filem. Seluruh Pasukan Anggota Polis menerima arahan dengan segera dan terus bekerjasama dalam memerangi musuh pihak lawan pada tahun 1981 dan misi merampas tanah Melayu menerusi pelbagai propaganda yang dilakukan oleh mereka pihak Komunis Cina. Kerjasama jitu yang ditonjolkan oleh Pasukan Anggota Polis Bukit Kepong ini merupakan antara contoh kepentingan nilai dan unsur patriotisme dalam dunia keanggotaan polis kerana ia memerlukan semangat dan ramai ahli untuk mengawal keamanan negara dan menumpaskan musuh. Tugas mereka semestinya amat penting dalam mencapai misi yang diarahkan kerana kejayaan mereka dalam menumpaskan musuh bukan sahaja

memberi manfaat kepada kejayaan seluruh pasukan dan organisasi Pasukan Anggota Polis Bukit Kepong tersebut, malah, memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Filem Bukit Kepong (1981) mengisahkan tentang filem berunsur patriotisme. Unsur Patriotisme yang ditampilkan menerusi filem ini adalah untuk mengetengahkan semangat cinta akan tanah air dan setiap pengorbanan yang disumbangkan oleh pejuang anggota polis di Bukit Kepong (1981). Menurut Laurensen (1972:13) menjelaskan teori sosiologi merujuk kepada kritikan sosial yang berfokuskan kepada aspek masyarakat dan kemasyarakatan berunsur sesuatu penilaian atau pengajian keadaan pada satu-satu masa. Selain itu, kajian sosiologi berkisarkan tentang kedudukan individu dengan masyarakat, institusi sosial, proses bersosialisasi serta sejarah masyarakat itu. Dalam hal ini, hubungan masyarakat dan persekitaran sangat rapat dan saling melengkapi untuk memahami isu-isu masyarakat dan sejarah.

Justeru, filem "Bukit Kepong" menerusi teori sosiologi fungsionalisme struktural Emile Durkheim, dapat disimpulkan bahawa unsur-unsur patriotisme yang dipegang oleh penduduk kampung dalam filem tersebut merupakan contoh konkrit konsep tersebut dari segi perpaduan sosial yang diperkukuh oleh nilai bersama dan fungsi integratif di khalayak ramai. Semangat patriotik yang ditunjukkan oleh penduduk kampung Bukit Kepong mencerminkan kesetiaan mereka kepada negara dan semangat juang untuk menjaga tanah air daripada ancaman musuh. Unsur-unsur patriotisme ini mengukuhkan perpaduan mekanikal antara mereka, menunjukkan perpaduan dalam menghadapi cabaran bersama, dan berfungsi sebagai perekat sosial yang mengintegrasikan mereka dalam mengekalkan kestabilan masyarakat.

Jelaslah, nilai-nilai patriotisme dalam filem "Bukit Kepong" boleh difahami melalui kaca mata kefungsiian struktur Emile Durkheim sebagai sebahagian daripada perpaduan sosial

dan kestabilan masyarakat berdasarkan nilai bersama dan fungsi integratif. Melalui penggambaran unsur-unsur tersebut, filem "Bukit Kepong" menggambarkan kepentingan kesetiaan kepada negara dan semangat juang sebagai faktor penting dalam mengekalkan perpaduan dan perpaduan sosial di tengah-tengah cabaran luar.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Filem adalah satu karya kreatif yang membawa sifat perbincangan (discursive), dan juga ianya melibatkan satu idea dan pemikiran, penganalisan, pengkritikan, fungsi dan pelbagai lagi didalam bidang-bidang yang melibatkan kepakaran. Filem adalah satu medium yang memainkan watak sebagai alat menyampaikan, mempengaruhi dan menghiburkan banyak filem yang mengandungi unsur kemasyarakatan telah ditayangkan di Malaysia. Oleh itu, Bukit Kepong menyingkap kisah sebenar perjuangan anggota dan penghuni berek polis Bukit Kepong, Johor, yang mempertahankan Balai Polis mereka, Balai Polis Bukit Kepong dianggap sebagai benteng utuh yang menjadi sasaran komunis. Filem ini telah diarahkan oleh tokoh perfileman tersohor iaitu Tan Sri Jins Shamsuddin. Bukit Kepong diterbitkan oleh syarikat Jins sendiri Jins Shamsudin Productions. Filem ini diangkat sebagai filem Terbaik pada Festival Filem Malaysia Ke-3 (FFM3) pada tahun 1982. Jins turut dinobatkan sebagai pengarah Terbaik FFM3, S Mohan (Jurukamera Terbaik), Yusoff Ariffin (Penataan Seni Terbaik), Peter Lim dan Zulkifli Salleh (Penataan Bunyi Terbaik), Suhaina Yahya (Pelakon Harapan Wanita) dan Anugerah Khas Juri bagi Adaptasi Peristiwa Sejarah. Ia dibintangi Jins sebagai Sarjan Jamil Md Shah, A Rahim (Lans Koperal Jidin), Hussein Abu Hassan (MM Osman Yusoff), Datuk Yusof Haslam (MM Jaffar Hassan). Justeru, filem ini menggambarkan semangat waja yang bersifat patriotisme iaitu kecintaan kepada tanah air sendiri yang ditunjukkan pasukan polis, walaupun mereka diserang 180 penganas komunis, tetapi mereka tetap berjuang hingga ke titisan darah yang terakhir demi mempertahankan negara.

Filem Bukit Kepong ini merupakan filem aksi dan patriotik yang telah dihasilkan dan diarahkan oleh Tan Sri Jins Shamsuddin selepas pihaknya melakukan perbincangan terperinci dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Beliau sendiri yang membintangi filem ini sebagai Sarjan Jamil Md Shah beserta dengan A.Rahim sebagai Lans Koperal 7186 Jidin Bin Omar, Hussein Abu Hassan sebagai PC 10533 Osman Bin Yusoff serta Yusof Haslam sebagai PC

8600 Jaffar Hassan. Filem ini dilakukan berdasarkan fakta sejarah serangan pengganas komunis di Bukit Kepong pada tahun 1950. Salah satu tujuan filem Bukit Kepong ini dikeluarkan adalah untuk meningkatkan imej dan semangat Polis Diraja Malaysia. Filem ini juga didedikasikan untuk polis yang berani mempertahankan balai polis dengan nyawa mereka serta melambangkan perjuangan kemerdekaan negara.

Selain itu, filem ini turut memfokuskan tentang perkaitan latar belakang kehidupan menjadi sasaran komunis dan semasa tragedi tersebut berlaku. Hal ini telah menjadi tunjang utama di dalam penghasilan filem Bukit Kepong 1981 arahan Tan Sri Jins Shamsuddin. Seterusnya, keterlibatan beliau sebagai seorang pengarah filem di Malaysia pada tahun 1981 adalah sangat memberi manfaat yang besar dalam kehidupan beliau sehinggakan beliau digelar sebagai seorang pelakon, penggiat seni, pengarah filem serta senator Malaysia serta sebagai legenda yang gigih menyumbangkan usaha kepada pembangunan industri filem Melayu sepanjang hayatnya. Hal ini demikian, menyebabkan beliau mendapat gelaran "One Million Dollar Man" pada tahun 1980-an. Kajian ini juga dapat menambah kajian ilmiah pengkaji untuk mengkaji filem yang diarahkan oleh Tan Sri Jins Shamsuddin. Beliau diiktiraf perhargaan "Anugerah Era" pada tahun 2003 dan dijadikan sebagai anugerah Jasa Negara (PJN) membawa gelaran 'Datuk' (6 Jun 2004). Dalam kajian ini, menggunakan sebuah karya filem sahaja iaitu Filem Bukit Kepong (1981) yang memerihalkan berkenaan nilai dan unsur-unsur Patriosme yang terkandung dalam alur filem tersebut dimana nyata berlaku dalam kehidupan bermasyarakat pada ketika dahulu. Oleh itu, setelah pengkaji membuat penelitian terhadap kajian ini, telah didapati mempunyai unsur sejarah kemasyarakatan yang diperoleh didalam filem ini dari aspek sosiologi yang mengandungi pelbagai aspek antaranya kelas sosial, kekeluargaan, masyarakat, pendidikan dan sebagainya.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ini adalah masalah yang berlaku dan cara atau kaedah saintifik dalam sesuatu kajian. Menurut John Dewey (1910) menyatakan bahawa setiap kajian itu harus dimulakan dengan melihat kesusahan atau permasalahan kerana perkara ini memberi impak yang besar didalam sesuatu kajian. Permasalahan kajian yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah krisis nilai yang berkait dengan jati diri seseorang itu sendiri.

Menurut Sidek Baba (2006) menyatakan dalam kajian beliau mendapati terdapat pelbagai kepincangan yang berlaku terutama dalam kalangan belia ternyata bertentangan dengan masyarakat melayu. Sidek (2006) berkata *Hedonisme* dilihat sebagai satu prilaku “sub- budaya” yang dianggap negatif kerana perbuatan tersebut amat bertentangan adat ketimuran dan saranan agama. Antara masalah yang dihadapi adalah kurangnya semangat patriotisme dalam kalangan generasi kini. Apabila mengkaji tentang semangat patriotisme terhadap Filem Bukit Kepong (1981), masalah utama yang didapati adalah generasi sekarang kurang mengamati nilai patriotisme dalam diri secara amnya. Menurut Khoo Kay Kim (1980) patriotisme digunakan untuk memperjuangkan semangat cinta akan tanah air terhadap perjuangan orang melayu untuk mendapatkan kedudukan yang unggul dalam negara dan tanah jajahan melayu sendiri. Oleh itu, setiap orang perlu mempunyai semangat patriotisme untuk mencintai tanah air sendiri dan sentiasa memelihara kedaulatan negara agar senantiasa terpelihara.

Selain itu, masyarakat moden kini lebih terpengaruh dengan budaya luar sebagai contoh budaya Hedonisme. Budaya Hedonisme memberi erti kepada dunia yang bersikap keseronokan dan berfoya-foya terutamanya kepada golongan muda dan belia. Kesannya, ia telah memberi impak yang negatif terhadap seseorang yang tidak mempunyai semangat patriotisme. Apabila budaya Hedonisme mempengaruhi diri masyarakat seperti kesan ajaran

atau pandangan yang membawa kepada keseronokan dan kesenangan hingga mendorong tindakan manusia berperlakuan sosial dan bertentangan dengan norma Melayu. Sebagai contoh gejala melepak, pergaulan bebas, jenayah, melawan orang tua, mencuri dan sebagainya. Jelasnya, semangat patriotisme terhadap diri masyarakat kurang diberi perhatian akibat kurang kesedaran mencintai tanah air sendiri. Bukan itu sahaja, ia dapat memburukkan negara jika semangat patriotisme kian pudar pada diri sendiri, masyarakat dan negara.

Menerusi penelitian pengkaji, permasalahan yang wujud tentang kajian nilai dan unsur patriotisme dalam Filem Bukit Kepong (1981) adalah berlandaskan penyelidikan pengkaji sendiri dalam merangka satu pembaharuan terhadap penulisan ini. Antaranya permasalahan kajian menurut Abd Rahim patriotisme ialah suatu bentuk perjuangan yang menjiwai kepentingan bangsa dan negara. Individu yang mempunyai semangat yang patriotik akan menonjolkan semangat juang yang tinggi dalam mendaulatkan kedudukan, status serta pengaruh negara bangsa mereka. Justeru itu, permasalahan yang ingin dinilai adalah dari segi nilai dan unsur patriotisme pada masa kini yang kian terhakis disebabkan kelonglaian prinsip jati diri Melayu. Akibatnya, pengaruh yang ditepis oleh anasir luar dan masyarakat Melayu kurang penghayatan terhadap aspek naratif lisan dalam filem Bukit Kepong 1981. Namun, apa yang dapat dilihat ialah berlakunya kelunturan nilai-nilai kehidupan tradisi yang murni dan selama ini merupakan warisan sosio-budaya yang menjadi kebanggaan nenek moyang sejak turun temurun. Pengaruh ini juga telah menghakis jati diri dan identiti generasi muda kini khususnya dalam konteks penghayatan semangat patriotisme. Sepatutnya generasi muda ini menjadi teras kepada pertahanan negara, mewarisi adat-budaya lokal, mengekalkan status-quo tradisi bangsa dan menyumbang kepada perpaduan negara pada masa akan datang jika nilai patriotisme dipupuk untuk generasi keseterusnya.

Identiti, kredibiliti dan integriti generasi muda telah terancam oleh beberapa kes baru-baru ini. Ini kerana, seperti yang kita ketahui semakin hari semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini, remaja umumnya terdedah kepada pelbagai bahaya baru. Khususnya melalui kancas jenayah melalui internet, yang berpotensi menarik mereka ke alam masalah masyarakat berkaitan identiti. Peningkatan gejala sosial setiap tahun dalam kalangan generasi muda, menurut Berita Harian (2022), adalah bukti fenomena ini. Pada tahun 1980. Dimana terdapat 2,408 kes jenayah melibatkan remaja sehingga menjelang 1995. Bagaimanapun, bilangan kes telah meningkat sebanyak 62% kepada 4,012. Bilangan remaja yang ditahan atas pelbagai kesalahan, termasuk membunuh, menipu, mencuri dan merompak, meningkat lagi kepada 5,543 kes pada tahun 2005. Secara keseluruhannya, perkaitan jumlah 8,113 juvana berumur antara 16 dan 18 telah ditahan dalam 6,838 kejadian jenayah berkaitan remaja yang direkodkan pada tahun 2006. Terdapat banyak contoh isu kemasyarakatan mengenai belia pada masa yang sama.

Seterusnya, permasalahan umum pada zaman kini menjadi kerisauan adalah disebabkan kurangnya kesedaran dalam diri remaja mahupun diri dalam setiap masyarakat madani di Malaysia tentang pupuk akan mencintai tanah air sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana Filem Bukit Kepong 1981 berupaya merungkai setiap darah keringat kaum melayu yang mempertahankan tanah air dari serangan askar komunis yang ingin merampas hak melayu. Filem ini perlu ditonton berkali-kali agar kerisauan dalam diri setiap masyarakat tentang kurangnya ilmu terhadap sejarah dapat dipupuk. Filem ini diketengahkan untuk dikaji demikian kerana, berfungsi sebagai wahana semangat cinta akan tanah air dan memberi kesedaran untuk masyarakat melayu dalam memilih tindak tanduk manusia yan ingin cuba merampas hak tanah sendiri.

Selain itu, permasalahan lain yang terdapat di dalam kajian ini ialah nilai yang terdapat di dalam filem yang dikaji tersebut iaitu “Bukit Kepong (1981)” ialah nilai yang terdapat di

dalam novel dapat dijadikan pengajaran dan teladan terhadap kalangan masyarakat. Mengajar sedikit sebanyak tentang perlunya mencintai tanah air daripada sebagai unsur luar daripada dirampas dengan begitu sahaja. Oleh itu, ia mendorong pengkaji untuk mengkaji dan menyelidik hasil kajian dengan lebih mendalam walaupun filem ini sudah lama ditayangkan sejak dari 1981 namun bagi memastikan masyarakat menyedari tentang pengorbanan generasi terdahulu yang sanggup bergadai nyawa demi mempertahankan yang satu iaitu tanah air melayu sendiri. Terdapat banyak nilai dan unsur Patriotisme yang ditunjukkan melalui watak-watak dalam filem Bukit Kepong (1981) yang ternyata membawa kesan yang positif terhadap penonton. Oleh yang demikian, pengkaji merasa filem Bukit Kepong sesuai untuk dikaji dengan lebih mendalam dalam aspek Teori Sosiologi.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Pada umumnya, pengkaji telah mengemukakan beberapa persoalan kajian yang dijalankan dalam kajian ini seperti:

1. Apakah unsur-unsur patriotisme yang terdapat dalam Filem Bukit Kepong 1981?
2. Bagaimanakah unsur-unsur patriotisme dalam Filem Bukit Kepong dikaitkan dengan Teori Sosiologi?
3. Sejauhmanakah kepentingan nilai-nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Pada umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah pengkajian objektif berkaitan unsur-unsur patriotisme terhadap Filem Bukit Kepong. Terdapat beberapa objektif kajian berdasarkan persoalan kajian yang telah dijalankan. Antaranya adalah:

1. Mengenalpasti unsur-unsur patriotisme yang terdapat dalam Filem Bukit Kepong 1981.
2. Menganalisis unsur-unsur patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981 dikaitkan dengan Teori Sosiologi.
3. Mengkaji kepentingan nilai-nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi melihat nilai yang berlaku dalam menyampaikan unsur patriotisme kerana terdapat banyak saluran seperti filem-filem yang tayangkan untuk menyampaikan unsur sesebuah sejarah filem itu sendiri. Sebagai contoh, Filem Bukit Kepong yang digunakan menjadi salah satu medium filem yang dihasilkan. Dalam kajian ini, pengkaji dapat mengenalpasti terdapat nilai dan unsur patriotisme yang berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat dalam filem Bukit Kepong (1981). Hal ini menjadikan, Kajian ini tertumpu kepada filem yang berteraskan unsur Patriotisme dari aspek nilai jati diri kepada golongan individu mahupun kepada masyarakat terhadap Filem yang telah dikeluarkan pada tahun 1981 iaitu Filem Bukit Kepong 1981. Kajian ini terbatas kepada filem yang mempunyai unsur Patriotisme yang dihasilkan oleh industri filem tempatan iaitu di dalam negara Malaysia sahaja. Pengkaji telah menggunakan Teori Sosiologi yang terdapat dalam sastera berdasarkan filem yang dikaji iaitu filem Bukit Kepong 1981. Sebagai contoh, karya-karya filem dicipta oleh pengarah filem ternama di Malaysia telah banyak dilakukan filem pendek dan filem berorientasikan persejarahan. Hal ini telah banyak dilakukan dalam perfileman di Malaysia bagi melakukan adaptasi jelas dilihat dan digunakan bagi menarik minat masyarakat dari generasi muda hingga golongan belia untuk sama-sama menyemarakkan semangat cinta akan tanah air dan negara. Penghayatan nilai dalam sesebuah filem ini juga sentiasa berkembang kerana filem yang berunsur Patriotisme yang berunsur positif terus digunakan dan pelbagai bentuk evolusi terus berlaku dalam penambahbaikan filem itu sendiri. Jelasnya, filem Bukit Kepong (1981) dibatasi dengan melihat unsur-unsur Patriotisme yang terdapat dalam isi moral filem dengan menggunakan teori sosiologi oleh Emile Durkheim. Teori sosiologi secara umumnya mempelajari tentang konsep kehidupan sosial, perubahan sosial dan sebab akibat dari berbagai perilaku manusia. Menurut Emile Durkheim (1930) menjelaskan bahawa pengkajian sosiologi yang berfokus kepada aspek kemasyarakatan, kajian mengenal peringkat

sosial, proses bersosialisasi serta sejarah masyarakat itu sendiri. Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga obkejtif yang diketengahkan. Pengkaji akan mngehkan kajian ini terhadap kepada aspek patriostisme dalam filem Bukit Kepong sahaja. Secara lebih terperinci, pengkaji akan memberi fokus kepada aspek patriostisme dalam filem Bukit Kepong demi menghuraikan berkaitan pendekatan teori sosiologi beserta nilai-nilai yang akan diperolehi daripada filem yang telah dipilih oleh pengkaji.





## **1.7 Kepentingan Kajian**

Pengkaji melaksanakan kajian yang berteraskan penghayatan dan kesedaran nilai patriotisme dalam filem Bukit Kepong tahun 1981: Kajian daripada Teori Sosiologi. Antara kepentingan dalam mengkaji kajian ini adalah pengkaji ingin mengembangkan kajian ini sebagai satu kajian yang dapat menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang mengenai teori sosiologi terhadap kritikan filem Bukit Kepong 1981 yang memberikan pengajaran kepada setiap individu, masyarakat, institusi, dan negara.

### **1.7.1 Individu**

Dalam kajian ini juga, kepentingan yang seharusnya dipupuk oleh seseorang individu adalah melalui pemupukan semangat Patriotisme yang utuh perlu sentiasa dibangkitkan bagi memberi pengetahuan dan kesedaran setiap darah perjuangan yang telah dijuangkan oleh pasukan anggota polis di dalam filem Bukit Kepong (1981). Kajian ini dijalankan untuk memberi ilmu pengetahuan kepada diri setiap masyarakat yang melihat filem Bukit Kepong (1981) kerana filem ini dianggap kurang diteliti oleh masyarakat sejagat. Jika kajian ini kurang dipantau dari masa ke semasa kan mengakibatkan sikap seseorang individu kurang minat berkaitan filem berunsur patriotisme dan maklumat mengenai kajian ini terutamanya dalam kalangan pengkaji yang masih bergelar pelajar.

### **1.7.2 Masyarakat**

Pengkaji menghasilkan kajian ini untuk mendedahkan kepada masyarakat sejagat tentang nilai dan unsur patriotisme yang terdapat dalam filem Bukit Kepong (1981) yang mempunyai pelbagai unsur moral positif tentang kecintaan akan tanah air untuk



dijadikan panduan. Melalui itu, pembaca akan lebih tertarik untuk mengkaji dan menonton kembali filem ini hasil dari kepengarahan yang berpengaruh oleh Dato Tan Sri Jin Samsudin sendiri. Dimana dapat mempengaruhi khalayak untuk melakukan kajian hasil karya-karya filem yang dihasilkannya. Secara tidak langsung, pengkaji dapat memartabatkan filem persejarahan untuk sentiasa dipelihara oleh masyarakat sejagat. Seterusnya, pemupukan nilai-nilai positif serta unsur Patriotisme diterapkan dan berfikiran matang turut penting dalam melahirkan masyarakat yang bersemangat menggalas tanggungjawab, kesanggupan membela agama dan bangsa serta negara demi negara yang harmoni dan kaya dengan sahsiah yang baik tidak kira peringkat umur. Oleh itu, bak kata pepatah ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’.

### **1.7.3 Institusi**

Kajian ini dijalankan bagi kepentingan setiap institusi pendidikan. Hal ini demikian kerana dapat membantu mereka terutama pelajar untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Kepentingan kepada institusi dalam kajian ini adalah sebagai alternatif untuk menarik minat masyarakat terutama kalangan remaja untuk meminati filem berkaitan persejarahan kolonial. Disamping itu, kajian ini jelas berfungsi untuk memberi kesedaran dan impak yang baik kepada setiap khayalak. Hal ini dilaksanakan kerana pengkaji ingin memberi kefahaman kepada golongan muda mahupun belia untuk mengamati teori sosiologi terhadap aspek sosiobudaya dalam kehidupan bermasyarakat.

#### 1.7.4 Negara

Kajian ini dijalankan untuk menyebarkan kepentingan kepada masyarakat diluar sana agar mengetahui tentang kewujudan kajian yang dijalankan ini. Pihak yang berwajib haruslah sentiasa meningkatkan jalur komuniti untuk menambahkan nilai pembacaan kepada masyarakat agar mereka lebih terdedah akan kepelbagaian kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji yang wujud di Malaysia. Hal ini demikian kerana kajian berkaitan perfileman telah dilakukan oleh pengkaji untuk mendedahkan maklumat sekaligus membantu masyarakat dan negara untuk mengecapi pembangunan daripada aspek jati diri yang bersifat menyeluruh.

## 1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan pengertian yang jelas dan mendalam bagi istilah yang terdapat dalam kajian ini. Ianya memberikan penerangan khusus bagi istilah penting yang terdapat dalam kajian. Menurut Karim (2021) pengertian operasional adalah sebagai suatu unsur penelitian yang merupakan petunjuk atribut atau sifat nilai dari objek atau kegiatan yang memberi varisasi tertentu yang telah ditetapkan oleh peneliti untuk dipelajari dan kemudian ditarik kesimpulannya. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sesuatu kajian semestinya terdapat beberapa istilah penting atau dalam kata lain adalah tunjang utama kepada kajian yang memerlukan keterangan yang jelas dan mapan. Daripada dua pandangan sarjana ini memberikan satu keutuhan kepada penerapan definisi operasional yang sebenar.

### 1.8.1 Nilai

Menurut penelitian terhadap kajian ini iaitu Nilai Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981: Analisis berdasarkan Teori Sosiologi terdapat beberapa istilah dimana memerlukan penerangan yang jelas terhadap “nilai Patriotisme “ dan “unsur-unsur Patriotisme”. Menurut kajian yang dilakukan oleh Curti (1946) dan Berns (1997) telah menegaskan patriotisme perlu diterjemahkan kepada tingkah laku sebagai manifestasi kerana patriotisme adalah sejenis emosi dan pemikiran yang diterjemahkan kepada tingkah laku dan merangkumi keseluruhan kehidupan, emosi, pemikiran dan tingkah laku ini adalah berasaskan reaksi hubungan yang kompleks antara individu dan sistem nilai sesebuah negara.

### 1.8.2 Filem

Selain itu menurut konsep Patriotisme dalam kajian Drukman (1994) dan Muller (2006) menyatakan nilai Patriotisme merujuk kepada perasaan cinta akan negara. Oleh itu, pendapat sarjana yang kedua disokong berdasarkan kajian filem berunsurkan Patriotisme diketengahkan. Hal ini kerana ciri cinta yang membawa makna kepada istilah ini adalah berdasarkan enam ciri iaitu kesetiaan, pengorbanan, kekitaan, berdisiplin, kebanggaan dan produktif. Patriotisme menggambarkan perasaan dan tindakan individu yang berkaitan dengan tanah air sendiri. Hal ini telah menyebabkan nilai Patriotisme dikongsi bersama oleh setiap bangsa dan etnik tanpa melibatkan sempadan, perbezaan agama, bangsa dan kaum. Hal ini menjadikan usaha untuk membina bangsa berlainan kaum dapat dipupuk agar sentiasa bersatu padu tanpa ada isu perpecahan belah dari pelbagai kaum dan suku etnik di Malaysia. Oleh itu, kajian mengenai patriotisme dapat memberi satu ilmu yang berdiri atau memiliki disiplin tersendiri. Penelitian terhadap konsep Patriotisme seutuhnya dapat memberi gambaran sesuatu ilmu yang berkaitan nilai peribadi dalam membentuk jati diri seseorang. Iainya mempunyai disiplin tersendiri dimana dapat mendakwa daripada aspek ketelusan dalam memberi pengajaran untuk diteladani dan disempadani oleh masyarakat sejagat. Maka daripada itu, kajian mengenai nilai jati diri berunsur Patriotisme dapat memberi nafas baharu kepada golongan remaja mahupun diri setiap belia untuk sentiasa memupuk semangat cinta akan tanah air dalam kehidupan di tanah air yang tercinta.

## **1.9 Organisasi Bab**

Organisasi kajian merupakan ringkasan berkenaan kajian yang dilakukan pada setiap bab. Rangkuman keseluruhan kajian ini terdiri daripada lima bab sahaja. Kandungan aspek daripada setiap bab ini adalah berbeza.

### **1.9.1 Bab Satu**

Bab ini merupakan bahagian pendahuluan. Aspek-aspek yang dibincangkan adalah pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi nilai, definisi patriotisme, definisi berkenaan filem secara umumnya, mengetengahkan teori sosiologi, organisasi kajian dan penutup. Selain itu, objektif dan persoalan, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, dan organisasi bab juga didedahkan dalam bab 1.

### **1.9.2 Bab Dua**

Bab ini adalah kajian berkenaan sorotan kajian lepas. Pada bab dua ini, pengkaji akan melibatkan proses membaca dan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu yang telah dijayakan oleh para sarjana lepas. Proses tersebut dijalankan bertujuan untuk melihat sama ada kajian dalam konteks polemik ini pernah dijalankan oleh para sarjana lepas atau sebaliknya. Seterusnya, pengkaji turut menjadikan kajian-kajian terdahulu sebagai sumber rujukan bagi membolehkan pengkaji memahami kajian filem Bukit Kepong (1981) yang ingin dikaji. Bahkan, pengkaji telah

memilih beberapa kajian lepas yang bersesuaian atau berkaitan dengan pemilihan tajuk kajian iaitu nilai dan patriotisme dalam filem Bukit Kepong (1981) berdasarkan teori sosiologi.

### **1.9.3 Bab Tiga**

Bab tiga pula merujuk kepada perbincangan tentang metodologi kajian. Bahagian ini pengkaji telah menetapkan kaedah yang perlu dijalankan dalam menjayakan kajian ini. Pengkaji menjelaskan kaedah yang digunakan yang mana terdiri daripada kaedah perpustakaan dan melakukan temubual dengan pihak-pihak tertentu. Metodologi kajian ini penting dalam menghasilkan sebuah kajian secara teratur dan kemas.

### **1.9.4 Bab Empat**

Seterusnya pada bahagian keempat akan membincangkan mengenai dapatan analisis yang berjaya diperolehi daripada objektif-objektif kajian yang dijalankan berdasarkan metodologi yang diterapkan dalam kajian ini. Pengalisan ini dilakukan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian berdasarkan obkejtif kajian pengkaji ingin ketengahkan.

### **1.9.5 Bab Lima**

Akhir sekali, pada bab lima kajian yang diketengahkan oleh pengkaji akan bincangkan adalah mengenai kesimpulan dan diperolehi berdasarkan keseluruhan bab dari 1 hingga 4. Pengkaji juga turut akan membincangkan kajiandan cadangan kepada pengkaji akan datang.

### 1.9 Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini menyentuh berkenaan nilai patriotisme dalam karya sastera. Melalui penelitian bersifat patriotisme yang berlaku menyebabkan cara penyampaian dan penghayatan terus berubah bagi selaras dengan perubahan idea kritis seorang pengarah filem akan berlaku. Hal ini demikian, menyebabkan perkara positif terus berlaku dalam dunia perfileman diserap oleh masyarakat kerana cara serta unsur yang dialurkan dapat dipersembahkan baik kepada generasi seterusnya menggunakan nilai positif yang dihasilkan. Ini dapat menarik minat masyarakat untuk terus mengikuti setiap filem yang berunsur patriotisme terus dihasilkan tanpa ada sebarang kritikan. Perfileman berunsur patriotisme tidak akan mati walaupun cara penyampaian mempunyai perbezaan meskipun terus berkembang. Seterusnya, bahagian-bahagian di atas merupakan aspek yang akan dibincang dan dikaji serta menjadi landasan kepada satu perbincangan untuk bab-bab seterusnya. Oleh itu, pengkaji berharap agar dapat menjalankan kajian ini sebaik mungkin dan bertepatan bagi mencapai objektif kajian dalam memastikan kajian ini dapat berjalan dengan lancar.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Pada bahagian bab dua ini, pengkaji melakukan penelitian terhadap artikel atau kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh pengkaji atau para sarjana lepas. Kajian literatur merupakan kajian sistematik bagi mempelajari permasalahan kajian yang dijalankan. Pengkaji melaksanakan proses penelitian ini bertujuan bagi melihat sama ada kajian tentang penghayatan nilai dan unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong (1981) ini pernah dilaksanakan oleh pengkaji lepas atau masih wujud kelompongan dalam kajian tersebut. Kajian-kajian lepas merupakan kajian mengenai tokoh yang berkaitan, jenis filem patriotik yang wujud di Malaysia, pengaruh yang berlaku, dan kepentingan sebuah filem bersejarah berfakta diadaptasikan kepada masyarakat dan pendidikan. Setelah pengumpulan data dan sorotan kajian lepas dilakukan, pengkaji mendapati bahawa ada beberapa kajian yang hampir sama dan kajian yang berbeza berkaitan penghayatan dan kesedaran nilai patriotisme dalam filem Bukit Kepong (1981) yang telah dibuat sebelum ini.



## 2.2 Tinjauan Literatur Nilai Patriotisme

Kajian ini memfokuskan kepada unsur-unsur patriotisme dalam novel “Pahlawan Pasir Salak” karya Mohd Ismail Sarbini. Novel tersebut merupakan teks wajib Bahasa Melayu yang digunakan sebagai Komponen Sastera untuk Tingkatan Dua. Latar tempat novel ini adalah pada zaman Penjajahan British. Objektif kajian yang diketengahkan adalah menganalisis unsur-unsur patriotisme dalam novel Pahlawan Pasir Salak. Oleh itu, terdapat tujuh unsur patriotisme yang diguna pakai sebagai asas kajian iaitu Patriotisme Peribadi, Patriotisme Rasmi, Patriotisme Ikon, Patriotisme Simbolik, Patriotisme Modal, Patriotisme Alam Sekitar dan Patriotisme Nasionalis Simbolik. Menurut kajian, personaliti, ikon, nasionalis simbolik serta patriotisme modal didapati sangat dormant melalui watak dan peristiwa tertentu yang berlaku dalam novel ini. Melalui jurnal ini terdapat perbezaan dengan kajian yang sedang dikaji iaitu jurnal ini menjelaskan tentang unsur-unsur patriotisme. Hal ini amat penting untuk diterapkan kepada generasi pelapis negara kita yang sedang menjelma dalam era keemasan demi kemajuan negara.

Selanjutnya, kajian yang mengkaji unsur nasionalisme dan patriotisme pada peringkat kedoktoran ialah kajian yang bertajuk Novel sejarah Harun Aminurashid dan Walter Scott: Persepsi tentang Nasionalisme karya Elfiondri pada tahun 2005. Objektif kajian yang dikupas adalah menganalisis persepsi nasionalisme yang tercermin dalam teks novel sejarah yang ditulis oleh Aaron Aminurrashid dan Walter Scott. Tujuan analisis tersebut adalah untuk menghuraikan persepsi pengarang nasionalisme mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berhadapan dengan penjajahan budaya dan mengaplikasikan pendekatan kesusasteraan historisisme dan kesusasteraan bandingan baharu. Novel sejarah ini lebih memfokuskan kepada unsur sejarah, nasionalisme dan patriotisme seperti yang terdapat dalam novel terbitan Aminurrashid dan Scott. Dapatan kajian beliau mendapati kedua-dua pengarang telah menonjolkan nasionalisme dan patriotisme melalui novel mereka. Unsur-

unsur yang diterapkan melalui watak-watak utama oleh Aminurashid dari Malaya dan Scott dari Scotland, adalah perkara biasa yang menjadi perjuangan kedua-dua negara, yang pada satu ketika di bawah pemerintahan kolonial British.

Seterusnya, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Kamal dan Saiful pada tahun 2020 dimana menjelaskan tentang jurnal Patriotisme dan Sejarah dalam Cerpen Pak Nazel dan Ismail Sabrini: Satu Perbandingan. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti kekurangan dan kelebihan cerpen yang dikaji dan menganalisis faktor kepada perbezaan simbol patriotik untuk menunjukkan nilai perpaduan serta penghayatan patriotisme. Terdapat perbezaan jurnal ini membincangkan tentang kelebihan dan kekurangan sesebuah cerpen yang dicipta manakala pengkaji membincangkan berkaitan perubahan yang berlaku dari evolusi medium dalam kesusasteraan Melayu kedalam dua buah cerpen berbeza hasil daripada Pak Nazel dan Ismail Sabrini.

Selanjutnya, kajian yang ditulis oleh Maizatul Akma Aziz dan Nik Rafidah pada tahun 2019 di dalam kajian mereka yang bertajuk Patriotisme Peribadi Novel-Novel Terpilih. Oleh itu, objektif kajian yang telah dikaji adalah untuk menganalisis konsep patriotisme peribadi. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa patriotisme peribadi adalah penting dalam minda generasi kini dan akan datang untuk mewujudkan sebuah negara yang harmoni. Semangat patriotisme amat penting dalam membentuk agenda kemerdekaan dan menjaga kedaulatan tanah air. Perbezaan jurnal ini menjelaskan bahawa perbezaan dari segi penghayatan juga berupaya membantu penerapan maklumat ke dalam memori, menarik tumpuan, meningkatkan motivasi, memberi gambaran dinamik dan ilustrasi manakala pengkaji melihat perubahan yang berlaku dalam diri dengan berlakunya sikap saling menghargai tanah air.

Pada tahun 2011, terdapat kajian mengenai patriotisme telah dijalankan oleh Ku Hasnita dan Mohd Haizam didalam jurnal mereka iaitu Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Masyarakat Majmuk di Malaysia. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis skop pendidikan patriotisme di kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif yang dijalankan menerusi kaedah pemerhatian dan analisis dokumen dalam melaksanakan kajian ini. Mutu karya pendidikan berunsur patriotisme yang baik memiliki ciri-ciri tambahan untuk meningkatkan mutunya. Melalui jurnal ini terdapat perbezaan dengan kajian yang sedang dikaji iaitu jurnal ini menjelaskan tentang manfaat pendidikan yang perlu dibimbing dalam diri rakyat Malaysia Madani serta memberi peluang untuk pengkarya terus berkarya dan karya dapat dibaca oleh seluruh dunia dan bila-bila masa sahaja. Manakala pengkaji mengkaji berkaitan perubahan medium pendidikan yang digunakan dalam penyampaian nasihat kepada rakyat Melayu tentang nilai dan penghayatan patriotisme kepada tanah air sendiri.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Hadi Rianto, Syarif Firmansyah pada tahun 2017 di dalam jurnal iaitu Pendidikan Sosial. Objektif kajian ini menganalisis sikap pemahaman nilai-nilai Patriotisme dalam diri pelajar di alam sekolah. Jenis penelitian yang digunakan adalah penelitian kualitatif dimana penelitian untuk memahami berdasarkan tradisi metodologi tertentu dengan cara menyelidiki masalah sosial atau sikap manusia. Dapatan kajian yang didapati adalah nilai patriotisme merupakan medan benteng kepada seseorang pelajar perlu diterapkan dari bangku sekolah lagi secara tidak langsung. Mutu sikap pelajar di alaf persekolahan yang baik memiliki ciri-ciri tambahan untuk meningkatkan mutunya. Melalui jurnal ini terdapat perbezaan dengan kajian yang sedang dikaji iaitu jurnal ini menjelaskan tentang nilai-nilai patriotisme berkarya melalui diri pelajar dan sekaligus memberi peluang untuk pengkarya memahami nilai yang perlu wujud dalam sikap seseorang pelajar.

### 2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Filem

Banyak pengkaji telah mengkaji topik Bukit Kepong dalam sastera. Pelbagai karya sastera telah diteliti untuk menentukan kepentingan filem yang ada. Berdasarkan kajian dari pengkaji Juhan Junaidi, Zairul Anuar Md.Dawam dan Rosli Zareyra (2018) menganalisis Model Lasswell Terhadap Nilai Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong (1981) Kajian ini mendapati elemen naratif yang disampaikan melalui pemaparan adegan filem Bukit Kepong (1981) telah memperkuat mesej setia pada negara, sekaligus mengangkat tema dan nilai patriotisme. Melalui kaedah pemerhatian (tontonan filem), kajian mendapati bahawa dialog memainkan peranan penting sebagai pembawa mesej yang melambangkan nilai murni dalam konteks patriotisme. Selain itu, bahasa filem menerusi adegan filem Bukit Kepong (1981) juga turut memberi gambaran jelas tentang representasi nilai patriotisme terhadap keluarga, bangsa dan negara.

Selain itu, terdapat kajian lain juga yang berkaitan filem Bukit Kepong yang mengkaji dalam karya sastera. Nur Iliyani Natasha Abdul Halim, Nora (2020) adalah salah seorang daripadanya menulis artikel Percampuran Kod dalam Filem Bukit Kepong. Melalui kertas kerja yang dibuat berjudul Percampuran Kod iaitu berkaitan dialek yang terdapat dalam filem Bukit Kepong yang digunakan serta mengupas tentang bentuk dan fungsinya tersendiri dalam filem Bukit Kepong (1981).

Selain itu, terdapat satu kajian yang dibuat oleh Juhan Junaidi, Zairul Anuar Md Dawam, Rosli Sareya pada tahun 2021 dalam Jurnal iaitu berkarya di Gendang Alam (GA) . Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan ujaran implikatur patriotisme dalam filem Mat Salleh Pahlawan Sabah (1983) yang digunakan di filem yang dikaji.

Pengkaji menggunakan kaedah pendekatan kualitatif yang dijalankan menerusi kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen dalam melaksanakan kajian ini. Hasil mendapati kajian ini mengkaji berkaitan perjuangan Mat Salleh dalam menegakkan keadilan sehingga sanggup bermati-matian demi melindungi bumi Sabah dari pengaruh penjajah. Sehingga keharini ini nama Mat Salleh tidak asing lagi menjadi lagenda anak muda dan masyarakat ganerasi terdahulu di bumi khayalan Sabah. Kajian ini bertujuan untuk memperkuat lagi watak Mat Salleh dalam filem yang dikategorikan sebagai pahlawan yang mempunyai semangat patriotisme iaitu cintakan negaranya. Seterusnya pengkaji memfokuskan kepada medium untuk menyemarakkan semangat dalam penghayatan dan kesedaran nilai patriostisme kepada masyarakat Melayu.

Selain itu, terdapat kajian lain yang dilakukan oleh Maizatul Akma Aziz, Nik Rafidah Nik Mohamad Affendi, Halis Azhan, Mohd Hanafiah dan Kamariah Kamarudin (2017) yang menulis jurnal dalam Jurnal Antarabangsa Penyelidikan Akademik dalam Perniagaan; Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kajian dikaji oleh pengkaji adalah Unsur Patriotisme dalam Novel “Pahlawan Pasir Salak”. Objektif yang diketengahkan bagi kajian tersebut mengkaji unsur Patriotisme tersirat dalam Filem Pasir Salak. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk analisis kandungan dengan melihat bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan unsur nasionalisme dan patriotisme dalam filem-filem yang berada di Malaysia.

Begitu juga dengan kajian di peringkat sarjana, Sastera Membina Bangsa: satu analisis persepsi pelajar terhadap teks drama dalam Pendidikan oleh Yaakob, 2001. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai sumbangan genre drama dalam pembinaan negara bangsa Malaysia manakala objektif kajian adalah untuk menyiasat persepsi pelajar terhadap elemen pembinaan negara bangsa melalui teks drama dalam pendidikan. Tinjauan melalui soal selidik

yang dilengkapi dengan 24 buah teks drama dalam tiga antologi yang telah dan sedang digunakan sebagai teks yang diperlukan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah (1984-2000). Kajian ini menekankan penerimaan teks drama oleh pelajar dalam membina negara bangsa dan menyentuh secara khusus unsur-unsur patriotisme dalam novel sejarah.

Selain itu, kajian lanjutan ialah Teks Sastera: Perlumbaan Kedua dan Julia. Satu Perbandingan Kecenderungan struktur: Kajian Kes di Zon Utara Kubang Pasu dilakukan oleh Nor (2005) yang membandingkan dan menilai kedua-dua novel sebagai teks bacaan yang sesuai untuk Tingkatan 5. Kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji trend dan minat pelajar menengah atas terhadap novel, Perlumbaan Kedua dan Julia. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada seramai 128 orang pelajar Tingkatan 5 dari dua buah sekolah di Kedah. Oleh itu, kajian mendapati segelintir pelajar lebih menggemari novel Julia berbanding novel Perlumbaan Kedua. Kajian tidak tertumpu kepada isu patriotisme, tetapi melihat penerimaan dua buah novel sastera oleh pelajar.



## 2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Sosiologi

Penelitian lepas tentang drama Bulan Belum Kelam Masih terhad. Namun begitu, kajian lepas yang mengaplikasikan kajian teori sosiologi bagi karya-karya penulisan Melayu agak memberangsangkan. Terdapat beberapa kajian lepas merangkumi filem, drama, novel dan cerpen yang mengaplikasikan teori sosiologi. Kajian oleh Al-Fatihah dan Normaliza (2014), merupakan kajian yang telah dibukukan sebagai makalah mengenai “Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang”. Perbincangan adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem Zombi Kampung Pisang(2007) arahan Mamat Khalid dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Berdasarkan kaedah kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan dan menganalisis data, hasil perbincangan menunjukkan bahawa terdapat kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem tersebut seperti gejala rempit dalam kalangan masyarakat, golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme, kelunturan semangat patriotik dan golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian seterusnya yang terdapat secara penelitian terhadap kritikan sosial dalam drama oleh Suraidah Othman (2010) yang bertajuk “Kritikan Sosial dalam Drama-drama Mohamed Ghouse Nasurudin”. Penelitian yang dibuat adalah membicarakan tentang kritikan sosial yang dilontarkan oleh Mohamed Ghouse melalui drama-drama beliau yang telah diterbitkan dalam Dewan Sastera antara tahun 1980-an hingga tahun 2006. Kajian telah mengaplikasikan pendekatan dan prinsip sosiologi sastera dan menggunakan kaedah analisis teks dan wawancara. Dalam hal ini, pengkaji menjelaskan bahawa berdasarkan analisis yang telah dibuat didapati drama-drama yang dihasilkan oleh Mohamed Ghouse sememangnya sarat dengan kritikan sosial melalui sindiran tajam terhadap masyarakat terutamanya kepada para

pemimpin atau ahli politik. Pergolakan aspek sosial yang ketara dipaparkan oleh pengarang telah merujuk kepada perubahan tingkah laku segelintir masyarakat yang tidak lagi mengikuti sistem sosial yang normal menyebabkan perubahan nilai yang positif kepada negatif. Selain filem, seni lukis kartun dan drama, terdapat juga pengkajian yang menggunakan pendekatan sosiologi ke atas genre sastera yang lain seperti novel dan cerpen. Kajian "Trilogi Busa: Analisis Sosiologi" oleh Sayaidatina Ab. Majid (2004). Perbincangan tersebut adalah bertujuan melihat persoalan kemasyarakatan yang digarap oleh Arena Wati dalam novel-novelnya. Perbincangan telah memfokuskan kepada tiga buah novel iaitu Busa Hati, Busa Sukma dan Busa Kalbu yang telah diterbitkan pada tahun 2002. Analisis berdasarkan perspektif sosiologi menerangkan ketiga-tiga aspek sosiologi iaitu sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Dengan menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya, hasil perbincangan mendapati bahawa karya tersebut banyak mengemukakan persoalan kemasyarakatan seperti kekeluargaan, pendidikan, perbezaan darjat, politik, etnik, rasuah, kemiskinan dan sebagainya.

Selain itu, tinjauan kajian dibuat oleh Ronidin, R. (2010) dalam kajian "Masyarakat Minangkabau Pasca-PRRI: Dalam Cerpen Ketika Jendral Pulang karya Khairul Jasmi telah membincangkan tentang pengaruh PRRI (Kerajaan Revolusioner Republik Indonesia) mengenai kehidupan masyarakat Sumatera Barat (Minangkabau) dalam cerpen Ketika Jendral Pulang karya Khairul Jasmi. Kajian ini 14 menggunakan teori sosiologi sastera dan kajian teks cerpen Ketika Jendral Pulang karya Khairul Jasmi. Selain itu, pernyataan masalah dalam kajian ini adalah didapati masyarakat Minangkabau sekarang mengalami krisis dalam kehidupan mereka seperti pemalu, rendah diri, takut dan pragmatik. Sehubungan dengan itu, cerpen ini adalah untuk memberi cerminan kepada kehidupan masyarakat Minangkabau bahawa orang Minangkabau terdahulu didedahkan dengan televisyen yang mempunyai unsur keganasan supaya diterapkan dalam kehidupan masyarakat. Dalam pada itu, kajian ini dapat meningkatkan keyakinan dalam kehidupan masyarakat Minangkabau kini untuk menjadi



seorang yang kuat dan yakin pada diri menerusi panduan dalam cerpen Ketika Jendral Pulang karya Khairul Jasmi ini.

Mustafa, M. (2006) dalam kajian "Pemikiran Dalam Novel-Novel Khadijah Hashim" telah membincangkan mengenai pemikiran Khatijah Hashim menerusi novel-novel. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian teks dan pendekatan sosiologi sastera. Selain itu, kajian ini menggunakan objektif kajian iaitu menganalisis pemikiran yang dihasilkan oleh Khatijah Hashim menerusi novel-novel yang telah dikaji. Di samping itu, pernyataan masalah dalam kajian ini berkaitan dengan persoalan-persoalan yang timbul mengenai pemikiran Khatijah Hashim dalam novel-novel yang dipilih untuk membuat kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kajian ini tertumpu kepada kefahaman berkaitan dengan pola kehidupan masyarakat yang merangkumi aspek sosiopolitik, sosiobudaya dan sosioekonomi.

Perspektif sosiologi Emile Durkheim tentang pendidikan dan kaitannya dengan fenomena pendidikan sosial kontemporari diterokai oleh Arif, A. M. (2020) dalam kajiannya "The Perspective of Emile Durkheim's Social Theory in the Sociology of Education." Kajian ini menggunakan metodologi analisis kualitatif berserta teknik kajian literatur. Dapatan kajian menunjukkan hubungan rapat antara fakta sosial Durkheim dan kajian sosial secara umum dan pendidikan khususnya. Pendekatan sosiologi Durkheim terhadap perkembangan sistem pendidikan diasaskan pada pendekatan struktur fungsional, teori fakta sosial, perpaduan sosial, dan moral. Secara umumnya, Durkheim menekankan pembangunan pendidikan sebagai satu cara untuk mengukuhkan cita-cita kesedaran komunal dan melengkapkan pelajar dengan maklumat dan kebolehan untuk terus hidup. Dengan ini, dapat dilihat menggunakan teori fakta sosial dalam pendidikan yang memerihalkan berkenaan dengan sosial kehidupan.

Perubahan sosial yang berlaku daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat moden diringkaskan oleh Hanifah, U. (2019) dalam kertas jurnal artikel bertajuk “Transformasi Sosial Masyarakat Samin di Bojonegoro (Analisis Perubahan Sosial di Jabatan Tenaga Kerja dan Solidariti Sosial Emile Durkheim)”. Matlamat kajian ini dibincangkan berkaitan dengan permulaan kehidupan orang Samin. Data kajian ini dikumpul daripada rekod sejarah Samin, sumber perpustakaan, filem pawagam, dan penerbitan ilmiah menggunakan metodologi kajian kualitatif. Hasilnya, kajian menunjukkan bahawa masyarakat Samin mengalami beberapa perubahan dalam semua domain. Sebaliknya, orang Samin berpegang kepada kepercayaan mereka. Saminisme Ini membolehkan pemerhatian peralihan daripada tamadun Samin. Dengan ini, kita dapat melihat perubahan yang berlaku dalam masyarakat Samin daripada tradisional kepada moden tetapi masih mengamalkan ajaran Saminisme dalam kehidupan mereka.

Kajian “Fakta Sosial Emile Durkheim dalam Novel Delisa Hafazan Doa Tere Liye: Sosiologi Kajian Sastera” oleh (Susanti, S., Mursalim, I.S.H., dan Hanum, I.S. (2020) mengkaji aspek luaran dalam Hafalan Salah Delisa yang merangkumi jalan cerita, watak dan latar belakang. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai naratif dalam buku Hafalan Salah Delisa. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif khususnya analisis teks. Hasil kajian boleh digunakan untuk membuat rumusan bermaklumat tentang naratif utama novel, pelakon pembantu, lokasi di Lhok Nga, dan kepentingan pendidikan watak. Dalam berbuat demikian, kajian ini menggunakan data sosiologi untuk menganalisis ciri-ciri luaran novel.

Emile Durkheim adalah seorang pemikir yang menganut rangka kerja budaya sosial dan menekankan sains dan pembaharuan sosial. Kamiruddin, K. (2011) membincangkan Durkheim dalam kajiannya "The Sociological Function of Religion (Profane and Sacred Studies menurut Emile Durkheim)." Dalam bidang sosiologi pembangunan, beliau dianggap

memainkan peranan penting. Metodologi kajian menggunakan perspektif sosial. Meneliti penemuan mendedahkan bahawa tiada apa dalam kehidupan akan wujud tanpa masyarakat, menurut Durkheim, yang juga menekankan bahawa masyarakat adalah yang melahirkan dan membentuk segala-galanya. Ini menggambarkan penemuan Durkheim bahawa kualiti asas semua kepercayaan agama bukan terletak pada "yang ghaib" tetapi pada idea "yang suci," di mana terdapat kedua-dua yang ghaib dan yang tidak kelihatan. Yang suci mempunyai prinsip yang berbeza dan mempunyai fungsi sosial.

Dua bentuk komunikasi utama yang digunakan untuk mengukur masalah sosial ialah mikro dan makro, menurut Nugroho, A. C. (2021) dalam makalah beliau berkaitan "Teori Utama Sosiologi Komunikasi (Structural Functionalism, Conflict Theory, Symbolic Interaction)". Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa setiap tiga teori tersebut mempunyai tujuan yang berbeza dalam menjelaskan masalah sosial. Sebagai contoh, fungsionalisme struktur menjelaskan masalah sosial dengan menegakkan kestabilan, teori konflik memandang masyarakat melalui lensa kumpulan dan kelas, dan interaksi simbolik mencerminkan aktiviti utama manusia. Ini menunjukkan bagaimana teori berinteraksi antara satu sama lain.

Kesimpulannya, penyelidikan bebas sarjana lain mengenai teori struktur fungsionalisme menggunakan pelbagai sumber, termasuk Max, Robert K. Merton, Emile Durkheim, dan lain-lain. Setiap tokoh mempersembahkan pendapatan idea dan olahan berbeza berkaitan dengan teori sosial. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan daripada ini bahawa kajian diteruskan satu kajian oleh Emile Durkheim dimana beliau dapat menyimpulkan konsep sosial yang begitu dekat dengan masyarakat berkaitan sosiobudaya.

## 2.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbincangan disetiap kajian literatur didapati patriotisme peribadi, ikonik dan patriot simbolik amat signifikan dalam filem ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa patriotisme seperti ini dititikberatkan dan diberi perhatian oleh masyarakat yang ingin mengkaji tentang sesebuah filem. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para sarjana tersebut bahawa terdapat kelompongan mengenai tajuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu "Nilai Patriotisme berdasarkan filem Bukit Kepong 1981" bersandarkan teori sosiologi. Hal ini dapat memberi ruang dan peluang kepada pengkaji untuk melakukan kajian ini. Berdasarkan kajian- kajian berikut telah membuktikan bahawa tajuk kajian pengkaji tidak ramai dikaji oleh para sarjana yang lain. Kajian mengenai Filem Bukit Kepong 1981 lebih memfokuskan kepada sosiologi masyarakat dalam Filem Bukit Kepong 1981 yang memerihalkan berkenaan dengan kehidupan yang penuh bersejarah dimana meninggalkan kesan tragis yang mendalam secara hitam putih. Manakala, kajian mengenai teori sosial oleh Emile Durkheim juga banyak dilakukan oleh pengkaji luar seperti di Indonesia dan kebanyakan kajian tidak tertumpu sepenuhnya kepada satu tokoh sahaja. Hal ini dapat memberi peluang yang luas kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini untuk mengisi kelompongan yang bertajuk "Nilai Patriotisme berdasarkan Filem Bukit Kepong". Kesimpulannya, menerusi kajian lepas ini mendapati bahawa nilai patriotisme merupakan bidang yang sangat luas kerana iainya melibatkan bidang sastera filem, pendidikan, masyarakat dan teori khusus iaitu teori sosiologi. Dalam bidang ini, kajian dari pelbagai pengkaji memberi gambaran yang jelas sebagai panduan dan pengajaran kepada masyarakat kini. Terdapat banyak kemajuan teknologi yang telah berlaku perubahan atau evolusi dalam pelbagai kajian nilai patriotik kepada masyarakat dan dalam pendidikan berteraskan teori sosiologi. Melalui pemerhatian sarjana-sarjana lepas, banyak pelbagai sudut yang digunakan dan diketengahkan.

Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa banyak perubahan yang berlaku dan cara teknologi digunakan dalam mengklasifikasikan teori sosiologi kesusasteraan kepada masyarakat.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi ialah rangka kerja penyelidikan yang merangkumi metodologi penyelidikan analisis corak. Dengan penggunaan metodologi kajian yang merupakan salah satu penentuan teknik menjawab dan sekaligus kesukaran kajian akan ditangani dengan lebih sistematik. Dengan pelaksanaan pelbagai metodologi yang telah dilakukan, apa sahaja daripada penyelidikan boleh dikenal pasti mempunyai ketepatan atau sebaliknya. Dengan itu, kajian ini akan meneliti proses pengumpulan data dan menganalisis data kajian yang diperolehi bagi menyokong dan menghasilkan bukti dalam kajian serta aplikasi teori.

Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985), kaedah kajian adalah satu cara yang digunakan untuk memperoleh maklumat bagi mencapai suatu objektif penyelidikan dalam kajian yang dijalankan. Dengan ini, terdapat beberapa cara yang pengkaji gunakan bagi menghasilkan kajian penyelidikan yang bermanfaat iaitu dengan menggunakan reka bentuk kajian dan kaedah kajian. Pada bahagian metodologi kajian ini, pengkaji mengupas beberapa aspek yang digunakan dalam kajian iaitu reka bentuk kajian dan menyelidik kaedah analisis kajian. Menurut Kerlinger (1973), dalam usaha menyelesaikan dan mendapatkan jawapan bagi masalah kajian serta persoalan dalam penyelidikan ini pengkaji menjadikan penganalisan data sebagai medium penyelesaian dengan menggunakan kaedah-kaedah yang saintifik.




Menurut Lexy (2007) menyatakan kaedah kualitatif adalah teknik penyiasatan yang menghasilkan data yang patut diberi perhatian atau digunakan untuk menjalankan sesuatu kajian. Fenomenologi, atau penggunaan teknik kualitatif untuk memperoleh makna bersama daripada konsep atau fenomena yang bertukar menjadi pengalaman, merupakan pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini. mendiami komuniti masyarakat. Reka bentuk kajian merupakan kaedah bagaimana sesebuah kajian dijalankan. Terdapat dua bahagian pendekatan yang dapat digunakan iaitu pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif dalam mendapatkan maklumat untuk menyelesaikan kajian.

Di samping itu, AS Hornby (1980) turut menyatakan bahawa metodologi ini merupakan kaedah sains yang digunakan dalam kajian terhadap sesuatu bahan ilmiah bagi mencapai matlamat yang dirancang. Keberkesanan pencapaian objektif sesuatu kajian amat menitikberatkan penggunaan metodologi dalam kajian kerana ia merupakan tunjang utama dalam penggerakan sesuatu kajian pada dasar demi mencapai tujuan yang benar. Menurut Kerlinger (1973), dalam usaha menyelesaikan dan mendapatkan jawapan bagi masalah kajian serta persoalan dalam penyelidikan ini pengkaji menjadikan penganalisan data sebagai medium penyelesaian dengan menggunakan metodologi kajian bagi mencapai objektif.

Bagi menyediakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif seperti kajian perpustakaan, pemerhatian file dari filem Bukit Kepong, laman web, dan teori sosiologi yang dibangunkan oleh Emile Durkheim melalui kaca mata fakta sosial akan digunakan. Ini adalah hasil daripada penekanan beliau terhadap aspek sosiobudaya masyarakat. Teknik penyelidikan sistematik akan menjamin pengkajian atau penyelidikan dijalankan dengan lebih berkaedah dan menepati matlamat objektif yang telah ditetapkan.



### 3.2 Reka Bentuk Kajian



**Rajah 3.2 : Kerangka Teori**

Berdasarkan rajah 3.2 mengenai reka bentuk kajian yang merupakan satu kaedah kualitatif yang bertujuan untuk memahami proses pengumpulan maklumat dan data untuk menjalankan sesuatu kajian. Prosedur pengumpulan data tepat akan menghasilkan keputusan yang berkaitan

dengan topik kajian. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi untuk penyiasatan ini. Reka bentuk penyelidikan ini kadangkala dirujuk sebagai rangka kerja untuk kajian. Kajian ini iaitu menggariskan tujuan utama kajian ini dikaji iaitu dari segi Penelitian terhadap kajian ini iaitu *Unsur-unsur Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981: Analisis berdasarkan Teori Sosiologi*. Kajian ini memperlihatkan mengenai unsur Patriotisme daripada aspek nilai-nilai dan unsur-unsur yang ingin dikaji oleh pengkaji di dalam Filem Bukit Kepong 1981 arahan khas oleh Tan Sri Jins Shamsuddin dimana dikritik dengan kritis melalui pengaplikasian Teori Sosiologi oleh pelopor bernama Emile Durkheim. Sudut pandang yang ditunjukkan dalam Teori Sosiologi ini adalah mengenai skop simbol yang digunakan oleh pengkaji dalam meneliti isi setiap babak dalam Filem Bukit Kepong (1981). Emile Durkheim (1917) menganggap bahawa data kuantitatif merujuk kepada fakta sosial yang dapat dikumpulkan dan diukur melalui kaedah sains, seperti statistik dan eksperimen. Durkheim percaya bahawa data kuantitatif sangat penting dalam penyelidikan sosiologi kerana ia membolehkan penyelidik untuk mengukur perbezaan antara masyarakat dan menghasilkan penemuan yang objektif tentang masyarakat.

Seterusnya, pengkaji menggunakan mengkaji pendekatan dokumentasi iaitu dengan melibatkan penyelidikan terhadap teks yang dikaji dengan anggapan kepercayaan bahawa setiap bahagian teks pasti akan sesuai dengan seluruh struktur. Justeru itu, pengkaji menjalankan kajian reka bentuk ini untuk merungkai setiap persoalan yang terdapat dalam kajian ini. Terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan seperti kaedah pengumpulan data dengan menerusi analisis dokumen, kaedah kepustakaan dan kaedah internet dengan memasukan unsur penerapan teori. Dengan ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk dijadikan panduan dalam menyelesaikan persoalan, pengumpulan data dalam menjalankan kajian.

Selain daripada itu, reka bentuk kajian ini ia menggariskan tentang permasalahan yang terdapat dalam kajian. Kemudian, persoalan dan permasalahan perlu dinyatakan dengantepat dan jelas supaya ia segaris dengan objektif kajian ini dijalankan. Hal ini kerana permasalahan dalam kajian ini dirungkai bagi membuka ruang kepada pengkaji dalam menyelidik dan mengumpul data penyelidikan. Setelah pernyataan masalah dalam kajian telah ditetapkan, pengkaji pula akan mencari apakah tujuan utama kajian dengan mencari jalan bagaimana hendak mencapai tujuan kajian ini dijalankan melalui kajian yang dilakukan ini. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif pada bahagian metodologi kajian dengan menggunakan reka bentuk kajian dokumentasi.

Reka bentuk kajian ini penting dalam penyelidikan untuk mengetahui cara pengkaji mengendalikan kajian serta proses dan teknik yang digunakan bagi memastikan kajian yang dilakukan ini dapat dijalankan secara teratur dan sistematik bagi membolehkan pengkaji mencapai objektif kajian ini.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian adalah yang pertama dinyatakan oleh Prof. Dr. Suryana, M.Si (2010) ialah kaedah eksperimen ialah kajian yang mengkaji sama ada pemboleh ubah 3 eksperimen yang dilakukan adalah mencapai tahap keesahan. Pemboleh ubah kawalan harus digunakan untuk menguji keesahan. Kajian eksperimen adalah ujian hipotesis yang dirumus dengan teliti. Penyelidikan eksperimen biasanya dilakukan di kawasan tertentu. Maka, dalam konteks domain sosial, kaedah penyelidikan deskriptif, deskriptif, dan sejarah biasanya digunakan. Antaranya adalah kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang, kaedah analisis tekstual dan teori sosiologi oleh Emile Durkheim.

#### **3.3.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan juga dikenali sebagai tinjauan pustaka atau tinjauan literatur, ialah proses mengumpul, menilai, dan mensintesis sumber sastera yang relevan dalam bidang penyelidikan tertentu. Milya Sari dan Asmendri Asmendri (2020) menegaskan bahawa objektif utama kaedah literatur adalah untuk memahami status pengetahuan sedia ada tentang topik kajian, mengenal pasti jurang kajian, dan membina kerangka teori yang kukuh untuk penyelidikan yang akan dijalankan. Proses penyelidikan perpustakaan bermula dengan mengenal pasti sumber literatur yang berkaitan. Sumber ini boleh termasuk jurnal saintifik, buku, laporan penyelidikan, kertas persidangan, tesis, disertasi dan sumber lain yang diiktiraf secara akademik. Penyelidik telah menggunakan pangkalan data akademik, perpustakaan, dan sumber dalam talian untuk mencari literatur yang berkaitan. Selepas sumber literatur dikenal pasti, langkah seterusnya ialah menilai

kualiti dan kaitan setiap sumber. Penyelidik perlu membaca secara kritis dan menganalisis kandungan sumber-sumber ini. Penilaian kualiti melibatkan mempertimbangkan metodologi kajian yang digunakan, kesahan dan kebolehpercayaan data, dan kesahihan kesimpulan yang dicapai. Penyelidik juga mesti mempertimbangkan perkaitan sumber literatur dengan topik kajian dan persoalan kajian yang dikemukakan.

Teknik kajian perpustakaan adalah salah satu cara untuk mendapatkan maklumat, dan maklumat mesti diperoleh dengan teliti. Bahan yang diambil dan dirujuk dari perpustakaan adalah berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Sebagai contoh, maklumat atau data akan dikumpul daripada pelbagai sumber iaitu termasuk dapatan kajian ilmiah, jurnal dan tesis sastera, dan buku ilmiah. Lokasi pencarian maklumat kajian dijalankan bertempat di Perpustakaan Universiti Kelantan Malaysia (UMK). Pengkaji mendapatkan pelbagai bahan daripada buku-buku, jurnal filem- filem lepas dan termasuk tesis para sarjana yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji untuk digunakan dalam kajian yang dijalankan seperti berkaitan dengan puisi tradisional, nilai-nilai sosial dan Teori Sosiologi yang dapat memberi impak membentuk nilai penghayatan dan memupuk semangat patriotisme kepada tanah air sendiri. Pengkaji telah mendapatkan dan menggunakan bahan- bahan dari perpustakaan bagi mendapatkan maklumat yang terkandung di dalamnya yang berkaitan dengan kajian supaya kajian dapat dijalankan dengan lancar.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerolehan data melalui kaedah internet dalam penyelidikan ini bagi membantu

pengkaji memperoleh lebih banyak bahan untuk digunakan dalam kajian. Hal ini bertujuan untuk memperoleh maklumat-maklumat yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Justeru itu, pemerolehan maklumat dan bahan daripada internet tersebut digunakan bagi memberikan pengukuhan dalam kajian dengan baik serta menyokong kajian yang dilakukan. Pengkaji turut mengakses dan menggunakan beberapa jenis laman sesawang bagi memperoleh maklumat-maklumat yang berkait rapat dengan kajian. Antaranya adalah UMK Repository (Discol), My Thesis Online (MyTo), Google Scholar, Surat Khabar atas talian, Jurnal dan sebagainya. Kaedah pemerolehan data daripada sumber internet ini dapat membantu pengkaji dalam menyokong hujahan dalam penulisan dengan lebih meluas dan data yang kukuh. Pengkaji banyak memperoleh maklumat yang berkait rapat dengan kajian seperti nilai-nilai Patriotisme, teori dan unsur-unsur yang digunakan, kajian-kajian lepas dan juga berkaitan filem-filem berunsurkan sejarah Patriotisme di tanah Melayu. Oleh itu, setiap data yang diperoleh menerusi internet ini akan dikumpul dan dimuatkan ke dalam penyelidikan ini. Kajian yang dibuat ini telah menggunakan kaedah pencarian maklumat yang meluas bagi mengukuhkan kajian yang telah dibuat supaya mengikut objektif dan menjawab persoalan kajian sebenar kajian ini.

### **3.3.2 Kaedah Pemerhatian**

Terdapat juga satu kaedah alternatif yang lain bagi pengkaji menjalankan kajian ini dimana pengkaji telah menggunakan teknik pemerhatian terhadap filem yang telah diadaptasikan oleh karya sastera ini. Sebagai contoh peristiwa bersejarah Bukit Kepong yang berlaku pada (1950) ini adalah satu tragedi berdarah kepada rakyat di Muar Johor sewaktu ketika dahulu. Namun begitu peristiwa ini diulang



tayang menjadi sebuah filem bersejarah bagi tanah melayu di mana Tan Sri Jins Samsudin telah menghasilkan filem yang diadaptasikan oleh peristiwa sebenar Bukit Kepong (1950) seterusnya telah membuahkan hasil di mana pada tahun (1981) beliau berjaya membuktikannya melalui penghasilan tersebut. Sehingga ke hari ini filem tersebut dapat dilihat. Melalui pemerhatian yang dibuat daripada filem ini mendapati bahawa terdapat kesan daripada adaptasi kepada perfileman mampu menunjukkan lagi persoalan dan objektif terhadap kajian yang dibuat ini iaitu terhadap sosiologi yang berlaku di dalam masyarakat Malaysia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN




### 3.4 Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data adalah proses yang digunakan untuk mengumpul maklumat atau fakta yang relevan dalam sesuatu kajian atau penyelidikan. Menurut Asep Sudarsyah (2013), tujuan pengumpulan data adalah untuk mendapatkan 12 data yang tepat, boleh dipercayai dan relevan bagi menjawab persoalan kajian atau mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam mengumpul data, pengkaji memilih kaedah yang paling sesuai untuk mengumpul maklumat yang diperlukan. Kaedah ini boleh dalam bentuk pemerhatian secara langsung, temu bual dengan responden, penggunaan soal selidik atau soal selidik, analisis dokumen, pengumpulan data sekunder, eksperimen, atau teknik pengukuran khas.

Setiap kaedah mempunyai ciri dan kelebihan yang berbeza. Pemerhatian membolehkan penyelidik memerhati tingkah laku secara langsung, manakala temu bual membenarkan interaksi secara langsung dengan responden. Penggunaan soal selidik atau soal selidik membolehkan pengumpulan data yang meluas, manakala analisis dokumen menggunakan data sedia ada. Pengumpulan data sekunder menggunakan data yang telah dikumpul oleh pihak lain sebelum ini, manakala eksperimen membolehkan penyelidik mencipta situasi terkawal untuk memerhati kesan perubahan ke atas pembolehubah tertentu. Teknik pengukuran khusus, seperti pengukuran fizikal atau ujian kognitif, boleh digunakan untuk mendapatkan data tertentu.

### 3.4.1 Jadual Pengumpulan Data



Rajah 3.4.1: Jadual pengumpulan data

### 3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah ini merujuk kepada pendekatan yang terperinci dan sistematik untuk menganalisis data dalam konteks sesuatu penyiasatan atau kajian. Data yang dikumpul untuk analisis perlu disusun dan disediakan. Ini termasuk memastikan data lengkap, disemak untuk kebolehpercayaan dan ketepatan, dan dimasukkan ke dalam format yang sesuai untuk analisis. Pendekatan seperti analisis kandungan, analisis wacana atau analisis tematik sering digunakan dalam analisis kualitatif. Pada peringkat ini, hasil analisis ditafsir dan ditafsir dalam konteks objektif kajian atau penyiasatan. Implikasi, kesimpulan dan penemuan penting akan dihasilkan berdasarkan analisis yang telah dijalankan. Akhir sekali, hasil analisis disusun dalam laporan yang jelas dan sistematik.

Menurut Meadows (2008), reka bentuk kualitatif ini mula diguna pakai oleh para penyelidik kerana ia memudahkan penerimaan data antara pengkaji dan responden. Dalam metodologi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan reka bentuk kajian yang memfokuskan kaedah dokumentasi. Selain itu, menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985) turut juga menyatakan bahawa kaedah kajian adalah antara cara yang digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat bagi mencapai suatu objektif penyelidikan dalam kajian yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan kaedah reka bentuk kajian bagi menghasilkan kajian penyelidikan yang bermanfaat bagi menyelesaikan permasalahan yang terdapat dalam kajian dan secara tidak langsung menjadi medium dalam memperoleh maklumat untuk digunakan dalam kajian. Pada bahagian metodologi kajian ini, pengkaji mengupas beberapa aspek yang digunakan dalam kajian iaitu reka bentuk kajian dan menyelidik kaedah analisis kajian.

Seterusnya, reka bentuk kajian menurut Sulaiman Masri (2003) menyatakan bahawa reka bentuk kajian merupakan kaedah bagaimana sesebuah kajian dijalankan dalam menentukan teknik kaedah penyelidikan yang akan digunakan bagi merungkai jawapan permasalahan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana rangka awal yang dilakukan dapat membantu dalam menyelesaikan permasalahan kajian dengan melalui proses metodologi kajian. Metodologi kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian iaitu mefokuskan pada bahagian dokumentasi dalam mendapatkan maklumat untuk menyelesaikan kajian.

### **3.5.1 Kaedah Analisis Tekstual**

Kaedah analisis Tekstual ini merupakan satu pecahan daripada kaedah mengumpulan data penyelidikan. Kaedah analisis Tekstual ini diperolehi daripada analisis terhadap huraian objektif yang terdapat dalam ilustrasi berfaktakan sejarah, gambaran sosio masyarakat dan dicetak. Walau bagaimanapun, teks yang digunakan haruslah daripada kajian yang sahih dan diperakui. Analisis data melalui kaedah analisis Tekstual ini dapat memberi gambaran maklumat yang relevan dan sahih sesuai dengan mauduk kajian yang dikaji. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling mudah dikaji oleh pengkaji dalam mencari informasi yang diperlukan dalam menyiapkan sesebuah kajian itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap maklumat yang diperolehi juga menjadi analisis penting yang dilaksanakan oleh pengkaji dan penyelidik lain. Hasil analisis ini juga sukar untuk menipu. Antara dokumen yang dirujuk oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ilmiah ini adalah dari segi penelitian mencari bahan dokumen, jurnal, laman sesawan “*google*

*Scholar*”, metodologi pengajaran, *Discol*, dan pembelajaran yang lain-lain lagi.

### 3.5.2 Kaedah Struktural

Analisis struktural dimulai dengan mengidentifikasi struktur naratif dalam filem. Tinjau elemen-elemen seperti pengenalan, konflik, klimaks dan penyelesaian. Fahaman bagaimana cerita berkembang dan bagaimana karakter setiap prajurit-prajurit berganding bahu menumpaskan musuh terlibat dalam perkembangan ini. Tontonan terhadap filem tersebut akan membantu proses pengumpulan data yang relevan terkait dengan unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong bagi mencatat adegan, dialog atau tindakan yang menunjukkan karakteristik keberanian dan unsur patriotisme yang berkaitan dengan filem Bukit Kepong dan teori sosiologi.

Analisis secara struktural juga akan melibatkan pemahaman tentang posisi dan peranan karakter dalam struktur naratif bagi meninjau apakah prajurit di rumah pasung Bukit Kepong berperanan sebagai pahlawan, antagonis atau karakter utama lainnya. Turut juga akan memperhatikan kehadiran dan tindakan beliau mempengaruhi alur cerita dan hubungan dengan karakter lainnya. Kaedah analisis secara struktural juga akan melibatkan penelusuran tema dan motif yang berkaitan dengan unsur patriotisme untuk melihat apakah ada tema yang mencerminkan konsep patriotik dialurkan dari filem Bukit Kepong dan teori Sosiologi. Contohnya, tema tentang keadilan, keberanian, sikap rela berkorban atau kepengaruhan semangat kekitaan.

Penglibatan terhadap perkembangan watak utama oleh Jins-Samsudinbersama anak-anak kru mereka iaitu watak protagonis dibawa oleh prajurit lain demi melawan watak antagonis hingga akhir filem membawa sebuah perubahan

sikap, nilai dan tindakan yang berkaitan dengan unsur patriotisme. Identifikasi perananan-peranan penting bagi menelusuri perkembangan karakter-karakter berunsur patriotisme yang dibawa oleh setiap naratif antara watak protagonis dan antagonis.

Analisis struktural memungkinkan pemahaman tentang keterkaitan antara struktur naratif dan unsur patriotisme yang diketengahkan terhadap keanggotaan polis di rumah pasung Bukit Kepong. Tinjauan struktur cerita dan elemen-elemen naratif mempengaruhi penonjolan unsur patriotisme dalam Filem Bukit Kepong. Misalnya, apakah wujud unsur patriotisme dan nilai-nilai daripada intipati filem Bukit Kepong atau apakah wujud adegan klimaks yang menyoroti unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong. Melalui analisis struktural akan berlakunya satu pentaksiran segi alur unsur patriotisme dalam filem ini terkait dengan "Filem Bukit Kepong" dan teori sosiologi serta akan melakukan satu kesimpulan tentang naratif filem Bukit Kepong berunsur patriotik dalam konteks struktur naratif dan aspek mempengaruhi pemahaman tentang nilai-nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda.

### **3.5.3 Kaedah Analisis Teoritikal**

Dalam bahagian ini kajian ini akan diteliti daripada Teori Sosiologi Emile Durkheim yang merupakan "Bapa Metodologi Sosiologi". Dikatakan demikian kerana kemunculan sosiologi turut menyumbang kepadanya. Menurut Arif A.M. (2020) menyatakan Durkheim berjaya menekankan bahawa kemunculan sosiologi merupakan sebahagian daripada sains yang mempunyai ciri-ciri yang boleh dikaji, diukur dan mempunyai matlamat serta bukan sahaja mengembangkan sosiologi di Perancis.



Menurut Durkheim, sosiologi memainkan peranan penyelidik sebagai "fakta sosial", iaitu pengukuh dan garis panduan yang bersifat luaran tetapi mampu mempengaruhi tingkah laku individu. Dengan kata lain, fakta sosial ini adalah cara bertindak, berfikir dan merasa yang berada di luar kawalan individu dan mempunyai kuasa paksaan untuk mengawalnya. Fakta sosial ini bukan sahaja berbentuk material, tetapi juga sebuah konkrit, iaitu budaya, agama atau institusi sosial. Durkheim percaya bahawa manusia boleh dikaji secara saintifik. Beliau merupakan salah seorang ahli falsafah yang menolak pendekatan dalam konteks individu sebagai masalah masyarakat dan lebih bergantung kepada pendekatan sosial. Oleh itu, Durkheim cuba memperbaiki pemikiran sosiologi yang bukan sahaja berasaskan logik falsafah tetapi juga merangkumi sosiologi. Oleh kerana itu, beliau cuba menjadikan sosiologi sebagai disiplin saintifik baru, dia dianggap sebagai bapa sosiologi moden di samping digelar sebagai "Bapa Metodologi Sosiologi".

Selain itu, Emile Durkheim telah dilahirkan pada 15 April 1858 di bandar Epinal, Wilayah Lorraine berhampiran dengan Strasbourg, Timur Laut Perancis. Hasil cetusan daripada pemikiran Durkheim ini terbentuk disini dan sekaligus dipengaruhi oleh profesor yang terkenal iaitu Fustel De Coulanges dan Emile Boutrux. Selepas daripada beliau menamatkan pendidikannya di Ecole Normale Supérieure, Durkheim telah menjadi seorang tenaga pengajar ilmu falsafah di sebuah Lyceum Louis-Le-Grand. Iaitu sebuah sekolah menengah pada tahun 1882-1887. Selepas itu beliau berhijrah ke Jerman bagi menambahkan ilmu beliau tentang Psikologi dengan Wilhelm Wundt. Pada tahun 1887 pula beliau telah dilantik untuk menjadi seorang saintis sosial di dalam satu fakulti di Universiti Bordeaux.



Teori ini adalah merupakan hasil daripada pemikiran yang berimajinasi Emile Durkheim (1858-1917) yang memberi bayangan bahawa masyarakat yang tinggal dalam satu kelompok ini adalah satu kelompok yang berpengaruh dan saling memerlukan antara satu sama lain. dalam teori ini ada memperihalkan tentang sistem sosial yang perlu dibuat mengikut aspek-aspek yang telah ditetapkan mengikut peranan masing- masing. Terdapat beberapa idea dan gagasan yang utama di dalam pemikiran Emile Durkheim ini iaitu aspek yang berkaitan dengan teori-teori sosial iaitu fakta sosial, perpaduan, agama dan sebagainya. Teori Sosiologi mempunyai peranan penting dalam membantu mencapai objektif kajian yang berkaitan dengan mengkaji nilai-nilai Patriotisme berdasarkan Filem Bukit Kepong 1981: melalui Penelitian Teori Sosiologi. Berikut adalah beberapa cara di mana teori Sosiologi dapat menyumbang untuk mencapai objektif ini: Teori Sosiologi mempunyai empat kaedah teori sosiologi dikritikkan melalui pendekatan Fungsionalisme Struktural

Pertama, membicarakan latar belakang sebuah cerita naratif yang bersifat kehidupan kolektif bermasyarakat, pemikiran dan faktor yang mendorong seseorang pengarah menghasilkan filem. Kedua, menganalisis isu-isu sosial dalam perfileman tanah air berkaitan dengan karya kreatif. Karya perfileman tempatan yang dipertontonkan berdasarkan pendekatan ini pasti tidak akan terlepas dari isu-isu masalah sosial sama ada yang kecil mahupun besar, dalam masyarakat kota, desa, moden mahupun yang mundur. Ketiga, teori ini menekankan nilai dalam konteks sosialnya dengan meneliti teks dalam konteks pencerminannya, teks sebagai dokumentasi sosial dan unsur- unsur protes sosialnya. Keempat pula menganalisis aspek kesan dan pengaruh karya terhadap masyarakat. Penelitian dibuat terhadap kesan positif dan pengaruh karya kepada cara hidup khalayak berdasarkan wawasan dan unsur didaktik yang diketengahkan oleh pengkaji. Ringkasnya, kajian ini

dibataskan dengan menggunakan tiga daripada empat kaedah kritikan dalam Teori Sosiologi, iaitu karya kreatif perfileman dan (latar, dorongan dan pemikirannya), isu-isu sosial yang diketengahkan oleh pengkaji dan kesan filem kepada khalayak yang menontonnya. Berkaitan nilai-nilai moral yang diketengahkan juga merupakan hal terpenting dalam mengkaji sebuah kajian filem tanah air bersifat persejarahan dalam kelompok masyarakat.

### 3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah satu solusi dan alat untuk pengkaji melaksanakannya bagi menyiapkan kajian ini. Instrumen kajian ini adalah berfungsi dalam bagaimana pengkaji mendapatkan data yang diperlukan dalam memastikan objektif kajian itu dapat dicapai. Dalam memastikan data objektif pertama, pengkaji telah menggunakan beberapa buah buku *Bukit Kepong* yang terkandung unsur-unsur patriotisme dalam setiap pembacaan babak demi babak. Pengkaji telah meneliti setiap babak perjalanan cerita dalam *Bukit Kepong* tersebut dan memilih untuk menjalankan kajian berkaitan unsur-unsur Patriotisme yang terkandung dalam plot penceritaan berunsur naratif lisan. Objektif kedua pula, pengkaji telah mengaitkan setiap nilai yang terkandung dan dipilih dalam novel *Bukit Kepong* dengan melalui penelitian pengaplikasian Teori Sosiologi. Berdasarkan pendekatan tersebut sosiologi dapat dipelajari sebagai fakta-fakta sosial iaitu bersifat eksternal, namun lebih mampu dipengaruhi melalui perilaku seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana sosiologi individu seseorang dapat dikaitkan melalui pendekatan cara bertindak, berfikir, berkelakuan dalam mengendalikannya. Seterusnya, prinsip tersebut amat berkait rapat dalam kajian ini. Manakala objektif ketiga pula adalah, pengkaji mengkaji sejauh mana kepentingan nilai-nilai patriotisme dapat diusulkan dan diketengahkan dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, instrumen kajian yang digunakan ini mampu menyokong kajian dapatan serta kesahihan dalam membuat penelitian kepada pengkaji dalam memberi ilmu teladan moral melalui fakta peristiwa bersejarah hitam berunsurkan nilai Patriotisme.

### 3.7 Rumusan

Secara kesimpulannya, dalam bab ini telah menjelaskan secara terperinci tentang kaedah metodologi kajian yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan kajian terhadap jurnal-jurnal yang telah dikaji terhadap filem Bukit Kepong 1981 melalui pengaplikasian Teori Sosiologi dan pemerhatian terhadap filem yang berdurasi 1 jam 58 minit ini dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim. Seterusnya, melalui dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji akan membentangkan analisis dalam bentuk laporan atau kertas ulasan yang merangkumi beberapa siri bab, termasuk pengenalan, tinjauan literatur, metodologi, dapatan kajian, dan kesimpulan. Bahagian metodologi yang dikemukakan oleh pengkaji memberikan penjelasan terperinci tentang pendekatan yang digunakan, teknik pengumpulan data, dan analisis data yang akan dilakukan terhadap Filem Tempatan iaitu Filem Bukit Kepong 1981.

Secara keseluruhannya, metodologi berfungsi sebagai panduan dan rangka kerja untuk menjalankan penyelidikan yang sistematik dan berstruktur. Pengkaji memastikan bahawa data dikumpul dengan cara yang sesuai, dianalisis dengan kaedah yang sesuai, dan penemuan dibentangkan secara objektif. Metodologi kajian membantu memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan kajian dan menyediakan asas yang kukuh untuk tafsiran. Pengkaji telah memilih teori sosial ini sebagai satu pendekatan sosio-budaya kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada unsur-unsur berkait dengan jati diri dan nilai Patriotisme dalam diri masyarakat di Malaysia. Seperti aspek peraturan, amalan, kepercayaan dan sebagainya yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Oleh hal yang demikian, fakta sosial ini sesuai untuk digunakan sebagai panduan di dalam penyelidikan.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini adalah bahagian yang memfokuskan serta menghuraikan lebih perinci dapatan kajian kepada tiga objektif yang telah disenaraikan dalam awal kajian pengkaji. Dapatan kajian yang dibuat ini lebih memfokuskan kepada unsur Patriotisme yang terdapat dalam filem Bukit Kepong menerusi kaedah kualitatif dan bertepatan terhadap objektif umum pengkaji. Seterusnya, pengkaji juga akan memperihalkan dan menganalisis secara deskriptif tentang unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong 1981 berdasarkan Teori Sosiologi menerusi pendekatan dasar Fungsionalisme Struktural. Tujuan pendekatan Fungsionalisme Struktural adalah bertujuan untuk memudahkan pemahaman bagi pengkaji menerangkan imaginasi di ilhamkan oleh Emile Durkheim berkaitan kelompok masyarakat yang disusun berbagai komponen dan saling berkait rapat antara satu sama lain. Melalui teori ini juga pengkaji menerapkan pemahaman huraian kehidupan sosial dengan lebih berkesan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks (dialog) untuk mengenal pasti unsur nilai-nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, pengkaji juga menganalisis kajian bagi memenuhi dapatan kajian serta tujuan pengumpulan data dan sumber rujukan. Teori Sosiologi oleh Emile Durkheim juga dijadikan rujukan sepanjang proses analisis dilakukan agar dapat menjadikan sebuah kajian dikaji ini bersifat lebih signifikan.

## 4.2 Unsur Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981

Menurut Nik Anuar Nik Mahmud (2002) patriotisme memberi makna kepada sebuah kecintaan dan komitmen seseorang kepada bangsa sendiri sering dikaitkan dengan patriotisme. Seseorang itu dilihat sebagai seorang patriot apabila pandangan dan perbuatan mereka menunjukkan rasa cinta dan taat setia kepada bangsa mereka. Menurut Abd Rahim (1999), kewarganegaraan dan sumbangan rakyat kepada negara, bangsa, dan agama semuanya dianggap sebagai aspek patriotisme, bersama-sama dengan sentimen, tindakan, cita-cita, dan semangat yang melibatkan pengorbanan, cinta, dan perjuangan. Seterusnya, patriotisme ditakrifkan sebagai kecintaan yang mendalam terhadap negara, sehinggakan seseorang itu sanggup berkorban untuknya, oleh Holmes dan Van Marle (1959). Manusia dapat merealisasikan kecintaan akan tanah air ini di dalam hati mereka dengan berusaha untuk memenuhi cita-cita dan matlamat negara. Tambahan pula, menurut Nordin Kardi (2003) seseorang itu boleh disifatkan sebagai patriot jika tindakan mereka didorong oleh patriotisme dan cinta kepada bangsanya. Oleh kerana dedikasi dan kewajipan rakyat kepada negara mereka, maka aspek patriotisme ini menjadi penting kepada keselamatan sesebuah negara.

### 4.2.1 Sikap rela berkorban

Definisi sanggup berkorban (Rahmadeni, 2012). Mengikut frasa, ia menunjukkan kesanggupan yang suci, rela, dan tidak mementingkan diri untuk melepaskan apa-apa yang bernilai meskipun ia bermakna melalui kesusahan untuk diri sendiri. Hal ini bermakna, bahawa kita haruslah benar-benar bersedia untuk menawarkan sesuatu daripada diri kita untuk memenuhi keperluan orang lain atau komuniti

untuk menggalakkan pertumbuhan, keamanan, keharmonian dan keseimbangan dalam kehidupan masyarakat. Tambahan pula, unsur patriotisme yang tidak mementingkan diri ini juga melibatkan kesanggupan mendahulukan keperluan orang lain daripada kepentingan diri sendiri. Tidak dinafikan sukar untuk mengamalkan pemikiran yang rela berkorban ini kerana ia memerlukan kita mengetepikan sikap mementingkan diri sendiri.

Watak sebahagian daripada anggota polis rumah pesong iaitu Abu Bakar Daud dalam Filem Bukit Kepong 1981 ini telah memaparkan sikap rela berkorban beliau dalam melakukan tindakan menyerang kembali musuh yang telah menembaknya dari jarak jauh. Dimana telah melibatkan keselamatan Abu Bakar serta keluarganya dalam keadaan berbahaya.

"Mah, tolong buka lantai lubang kecemasan itu, aku hendak terjun bawah." Dia meminta Fatimah Yaaba membantunya. (Isteri)

(Bukit Kepong, 1981)

Berdasarkan petikan diatas menunjukkan sikap rela berkorban meskipun Abu Bakar salah seorang anggota di rumah pasung terpaksa meninggalkan isterinya Fatimah serta tiga orang anaknya bernama Jamilah serta dua anak kembarnya demi mendepani musuh yang telah menembaknya secara membuta tuli. Abu Bakar Daud menggagahkan dirinya untuk melawan musuh demikian terpaksa menahan sakit akibat kecederaan yang dialaminya demi membalas kembali tembakan tersebut. Abu Bakar telah meminta tolong isterinya untuk membuka lubang kecemasan serta berpesan kepada kerluarganya supaya meniarap, tidak sesekali duduk atau berdiri kerana takut akan peluru sesat musuh. Abu Bakar memboloskan dirinya melalui



lubang itu dan terjun ke arah kubu di bawah berek. Namun dirinya terjelompok di tebing kubu lantaran tubuhnya mulai lemah. Senjata yang dikendongnya jatuh terdampar di atas tanah tidak jauh dari tempat beliau tergolek seketika. Beliau sempat menjerit kepada isterinya untuk menutup kembali lubang tersebut walaupun dirinya diuji dengan kesakitan akibat luka bekas tembakan.

Pengorbanan yang ditonjolkan dalam filem Bukit Kepong yang dibawa oleh Abu Bakar menunjukkan sememang tingginya dalam memperjuangkan tanah air daripada digadai. Semangat rela berkorban beliau tampilkan mengisahkan cerita sebenar saat seorang prajurit yang sanggup bergadai nyawa meninggalkan anak isteri demi memperjuangkan tanah air. Kecekan hati Abu Bakar menebal dalam dirinya meskipun beliau tahu dirinya dalam bahaya namun tetap melakukan yang terbaik agar insan lain tidak menjadi korban.

"Abah, janganlah pergi, abah sakit, banyak darah,"  
rayu Jamilah setelah mendengarkan hasrat  
abahnya. Darah terus menitis dengan banyaknya dari luka-  
lukanya.

*(Bukit Kepong, 1981)*

Petikan diatas menunjukkan rayuan anak sulung kepada Abu Bakar yang telah menjadi korban tembakan dari para musuh dalam selimut. Tragedi kes tembakan ini berlaku disebabkan oleh seorang penganas komunis dari alah belakang berek telah sedia membidikkan senjatanya ke arah langkah Abu Bakar. Justeru, menyebabkan Abu Bakar terkena tembakan yang membuta tuli tersebut. Lalu, dengan lekasnya Abu Bakar pergi menjurus ke pintu rumahnya demi memberitahukan perkara yang terjadi diluar sana. Selang beberapa minit, beliau sampai di muka pintu untuk menyergah

anak dan isterinya untuk memberi amaran. Namun, apa yang berlaku mereka terkasima kerana melihat darah keluar dengan banyaknya dari bahagian bahu bapanya. Dua orang adik kembarnya hanya mampu menangis kerana ketakutan dan terkejut dengan kejadian yang menimpa mereka

Hal ini telah menunjukkan sikap Abu Bakar yang sanggup menggadaikan nyawanya demi keluarga tercinta serta negara demi melihat sebuah kemerdekaan yang hakiki. Petikan di atas menerangkan pengorbanan Abu Bakar dalam membalas kembali serangan yang beliau timpa. Namun pada masa yang sama beliau tidak ingin orang yang tersayang terlibat sama dengan musibah yang beliau alami. Kecekalan hati dapat dilihat menerusi watak Abu Bakar dimana beliau sebagai ketua keluarga tabah dalam menghadapi kesukaran meskipun dirinya menjadi salah seorang dari korban das tembakan yang melulu dari komunis. Selain itu, terdapat petikan lain tentang Abu Bakar dari sikap rela berkorban turut disebut dalam dialog dibawah:

"Tidak mengapa, sekejap sahaja abah pergi,"

Pujuknya kepada anak sulungnya itu. Isterinya membuka lubang kecemasan. Abu Bakar Daud mengengsot ke arah lubang itu. Sebelum terjun, dia berpesan kepada keluarganya supaya meniarap, tidak sekali kali duduk atau berdiri, takut terkena peluru sesat musuh.

(Bukit Kepong, 1981)

Petikan diatas menunjukkan Abu Bakar memujuk anak sulungnya untuk tabah dengan apa yang terjadi dan tidak perlu merisaukan tentang abah(dirinya), hal ini kerana beliau akan melakukan yang terbaik demi menghadapi ujian ini. Abu Bakar turut memesan kepada anak sulungnya untuk menjaga adik-adiknya dan ibu mereka dari menjadi sasaran komunis di luar sana. Lalu Fatimah (isterinya) bergegas ke pintu yang Abu Bakar

memintanya untuk buka agar beliau dapat menelusuk masuk mengambil senjata demi membalas serang terhadap komunis yang berada di sekitar perkarangan rumahnya. Abu Bakar juga turut berpesan agar berjaga-jaga dalam berlindung, agar tidak tersalah dari terkena tembakan sesat untuk menyuruh mereka supaya sentiasa bertiarap dalam apa jua keadaan.

Sikap rela berkorban setiap masyarakat harus bersedia untuk melakukan pengorbanan. Hal ini kerana, jika tiada kesanggupan sedemikian kuasa lain akan mempunyai akses mudah untuk memerintah negara kita. Untuk membina kebersamaan dan mempertahankan negara kita, kita perlu saling berganding bahu dalam menumpas musuh secara bersama.

#### **4.2.2 Semangat cinta kepada negara**

Semangat cinta kepada negara adalah perasaan yang kuat dan bangga terhadap negara tempat kita tinggal. Ia melibatkan rasa kasih sayang, penghargaan terhadap budaya dan warisan negara, serta keinginan untuk berusaha memajukan negara kita. Bagi setiap individu, semangat cintakan negara juga melibatkan perasaan ingin menyumbang dan membantu negara kita agar menjadi lebih baik.

Petikan dibawah menyatakan perbualan seorang ketua kampung iaitu penghulu Ali Bersama anak buah beliau:

“Apa ini, awak semua biarkan bendera pengganas komunis berkibar di bumi Bukit Kepong, bumi Johor? Turunkan bendera jahanam ini!” Suaranya kuat dan lantang Jari telunjuknya menuding ke arah bendera komunis yang sedang berkibar.

(Bukit Kepong , 1981)

Petikan di atas memberitahukan tentang kejadian yang telah berlaku di sebuah kampung di mana kampung mereka telah didatangi oleh seorang lektuan yang telah menyampaikan pidato dan dakyahnya selama lebih kurang setengah jam untuk menyeru penduduk di situ menyokong perjuangan mereka jika mahu selamat. Katanya, parti komunis memberikan janji manis mereka terhadap perjuangan mereka untuk berjuang demi kemerdekaan dan kesenangan rakyat. Hal ini menjadikan mereka yang mendengar dakyahnya sahaja kelihatan agak gelisah. Sebelum beredar menuju ke hutan, Lektuan memerintahkan anak buahnya menaikkan bendera merah yang bersimbolkan tukul dan sabit di tiang bendera yang terdapat di situ.

Tidak berapa lama kemudian, peristiwa itu sampai ke pengetahuan Penghulu Ali melalui anak buahnya. Dia yang baru sahaja selesai mandi untuk menunaikan solat zuhur terkejut. “Apakah benar?” tandanya untuk mendapatkan kepastian, setelah dia diberitahu tentang berita buruk itu. Anak buahnya sudah ramai yang terkumpul. Dia sudah yakin sekarang, yang datang sebentar tadi bukanlah pasukan kerajaan akan tetapi adalah dari dakyah pihak pengganas komunis.

Hal ini menyebabkan Penghulu Ali mengigil geram kerana amarah beliau terhadap muslihat komunis penjajah untuk meracuni akal fikiran penduduk agar menundukkan kepadanya. Segera Penghulu Ali menyuruh anak buah beliau untuk menurunkan bendera tersebut dan menggantikannya kembali dengan bendera Johor pada ketika itu. Marah Penghulu Ali sambil menundingkan jarinya ke arah bendera komunis yang sedang berkibar.

Petikan diatas menunjukkan sikap Penghulu Ali yang tegas melawan musuh dalam selimut daripada berjaya mempengaruhi penduduk dengan janji manis beliau. Dimana penghulu Ali sudah mengetahui segalanya niat hakiki mereka untuk merampas tanah melayu. Oleh itu, sikap cinta akan negara dapat ditonjolkan dari segi sikap beliau yang tegas dalam menegakkan hak sebagai ketua. Selain itu, tanggungjawab tugas beliau dalam menjadi ketua kampung terserlah walaupun umurnya baru 35 Tahun namun segala nasihat dan arahan sebagai penghulu Ali tidak pernah dibantah oleh anak buahnya.

Selain itu, sikap cinta akan tanah air juga turut dijelaskan dapat dilihat menerusi personaliti penghulu Ali di dalam Filem Bukit Kepong;

“Turunkan! Turunkan cepat! Saya jijik melihatnya bakar bendera,  
naikkan bendera Johor!”

(Bukit Kepong, 1981)

Petikan di atas menjelaskan perintah Penghulu Ali kepada anggota perhimpunan. Beberapa orang yang berdiri berhampiran dengan tiang bendera tadi bangun menurunkan bendera komunis tersebut. Sejurus bendera itu diserahkan kepada penghulu. Kemudian beliau menyuruh Nawawi Idrus mengambil bendera Johor dari balai penghulu, tidak jauh dari perhimpunan mereka. Setelah itu, kelihatan bendera Johor terus dikibarkan semula.

Jelas dapat dilihat, personaliti yang dimiliki Penghulu Ali adalah berani. Dalam melontarkan pendapat dan mengambil tindakan, meskipun beliau tahu sikapnya ini akan diketahui oleh anak buah komunis. Akan tetapi, lantaran keberanian yang beliau miliki untuk tidak menghiraukan mulut orang. Menjadikan rakyat di kampung

tersebut menyokong tindakan beliau dalam menumpaskan dakyah musuh daripada serap masuk meracuni akal fikiran mereka. Sikap seperti ini haruslah dimiliki oleh mana-mana pemimpin yang memimpin sesebuah negeri mahupun negara. Hal ini demikian kerana, sebagai rakyat mereka terasa terbela dan dianggap bahawa pemimpin menjalankan kerja yang amanah dan adil.

#### **4.2.3 Semangat kekitaan**

Semangat kekitaan bermaksud semangat yang kita miliki bersama atau semangat yang kita semua rasakan. Ia melibatkan kebersamaan, sokongan, dan semangat positif dalam mencapai sesuatu. Al-Roubaie (2009) berpendapat bahawa persahabatan, kasih sayang, dan tingkah laku bekerjasama di kalangan orang boleh memupuk rasa perpaduan dan kekitaan sosial. Bekerjasama merentasi komuniti kebangsaan yang mempunyai tradisi sosial, agama dan budaya yang serupa memerlukan kehadiran semua ciri ini. Semangat membantu antara satu sama lain dan bersedia untuk melakukan apa sahaja, termasuk berjuang, demi melindungi satu sama lain, adalah ciri hubungan kekitaan yang rapat. Seseorang yang merasakan dirinya tergolong akan menentukan diri mereka dari segi identiti kumpulan atau masyarakat yang mengelilingi mereka, bertindak dengan cara yang boleh diterima secara sosial, dan menilai diri mereka berdasarkan norma masyarakat. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa kesediaan seseorang untuk membantu dan bekerjasama dengan orang lain adalah hasil langsung daripada rasa kekitaan ini.





**Rajah 4.2.3 : Suasana bot membawa anggota polis**

**Sumber: Tayangan Filem**

Oleh itu, terdapat beberapa petikan yang menunjukkan semangat kekitaan yang akan dikaitkan dengan Filem Bukit Kepong seperti di bawah:

“Penghulu Ali sedang membincangkan isu-isu penting dengan beberapa orang kanannya di pejabatnya di balai penghulu apabila kedengaran bunyi enjin bot baharu masuk berlabuh di Jeti Bukit Kepong”

(Bukit Kepong, 1981)

Penghulu Ali dan anak buahnya tersenyum lebar menyambut kedatangan anggota polis tersebut. Mereka bersalam-salaman mesra sambil membantu anggota polis berkenaan untuk mengunggah barang-barang dan bekalan yang dibawa bersama-sama ke berek kelamin Bukit Kepong. Lalu, mereka mulalah melakukan tugas awal rombongan polis untuk membersihkan bangunan papan dan berek kelamin lima pintu yang telah usang kosong sekian lama. Kehadiran kumpulan pertama ini telah menghidupkan kembali semangat orang kampung dalam menghadapi gangguan dan pencerobohan penganas komunis. Semua anggota rombongan tadi bermalam disitu sementara bangunan rumah pasung dan berek dibaik-pulih dan dibersihkan terlebih dahulu. Pada keesokan harinya Penghulu Ali telah bersama-sama pemuda kampung dan penduduk cina yang tidak bekerja pada petang itu untuk bersama-sama bergotong-royong dalam membantu anggota polis membaiki semula kompleks rumah pasung



tersebut. Manakala, kaum ibu pula datang bersama-sama suami mereka untuk menanak nasi dan memasak secara rewang di perkarangan masjid untuk menyambut kehadiran mereka dengan mengadakan sedikit sajian majlis kenduri kesyukuran setelah usai solat maghrib nanti.

Jelas dapat dilihat, personaliti yang dimiliki oleh penduduk kampung di Bukit Kepong amat jitu dalam semangat kekitaan antara mereka. Hal ini demikian kerana, sebagai sebuah penduduk harmoni kita memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan tauladan terbaik kepada penduduk dari luar kawasan. Khususnya, kerjasama yang jitu antara penduduk Bukit Kepong dengan anggota polis. Sikap kekitaan yang tinggi terserlah apabila tidak kita bangsa ataupun agama untuk saling bekerjasama menjalankan tugas mereka masing-masing. Demi melihat kesenangan para anggota untuk menjalankan galasan tanggungjawab mereka untuk melindungi penduduk di Bukit Kepong, Johor. Manakala, kaum ibu juga tidak kurang hebatnya dalam menyumbangkan tenaga kepada para anggota polis demi menyambut kedatangan mereka dengan membuat kenduri kesyukuran doa selamat. Hal ini agar, dapat menghadapi serangan komunis yang cuba mengganggu ketenteraman sarwajagt di Bukit Kepong.

Selain itu, petikan lain yang jelas dapat dilihat menerusi semangat kekitaan dalam petikan di bawah:

“Setelah selesai menunaikan solat asar, Penghulu Ali terus berjumpa ayahnya, Mustapha.”

(Bukit Kepong, 1981)

Sebagai anak yang taat kepada orang tuanya, Penghulu Ali membincangkan dahulu tentang niatnya kepada ayahnya demi mendapatkan restu beliau sebelum berangkat ke Muar, Johor. Justeru dengan tindakan Penghulu Ali yang menghormati ayahnya menyebabkan ayahnya tidak berat hati dan tidak menghalang niatnya yang murni anaknya itu. Kemudian, penghulu Ali terus ke rumah pasung , berjumpa OCS sekali lagi. Mereka membuat keputusan untuk memanjangkan hal tersebut kepada OCPD Pagoh dan Pegawai Daerah Muar dengan segera.

Hal ini jelas dilihat, berdasarkan sikap Penghulu Ali yang berkait rapat terhadap aspek kekitaan. Sikap yang tersirat, adalah dapat dijadikan tauladan kepada pengkaji mahupun khalayak untuk terus bersikap menghormati kedua-dua orang tua mahupun yang hidup atau telah tiada. Hal ini kerana, walaupun umurnya telah melebihi 34 tahun namun, atas dasar anak kepada ayah. Kita haruslah, tetap menghormati mereka dan mentaatinya agar tidak menyesal kelak. Semangat kekitaan berdasarkan tunjang adat dan agama dapat diambil tauladan untuk kita mencontohi sikap Penghulu Ali. Meskipun beliau sibuk dengan urusan dunia namun, beliau tetap menyibukkan dirinya untuk menghadap illahi. Hal ini kerana, sesibuk manapun kita solat merupakan tiang asas agama yang mana setiap individu muslim wajib melaksanakannya. Demikian juga, daripada sikap Penghulu Ali menunjukkan tanggungjawabnya amanah yang digalas bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini kerana, beliau perlu ke Pagoh demi melaksanakan amanah beliau dengan komunis yang telah berjanji dengannya untuk menunggu kedatangan utusan Mandera (komunis) untuk berunding secara sihat. Namun apa yang Penghulu Ali dapat adalah orang suruhan Mandera gagal menghadirkan dirinya tidak juga datang menepati janjinya.

#### 4.2.4 Semangat keberanian

Keberanian bermaksud manusia yang memiliki kesanggupan bertindak untuk mengharungi setiap dugaan dan cabaran dengan yakin, tabah dan cecal hati serta bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko. Menurut Tajul Arifin Nordin & Nor'aini (1992) berpendapat bahawa nilai keberanian dapat dirumuskan sebagai manusia yang memiliki kesanggupan, tidak berasa gusar dan ragu yang mana manusia bersifat tabah, tidak takut kepada cabaran, berpegang teguh kepada prinsip benar dan hak, mendukung kebenaran serta berani menanggung risiko demi menghadapi rintangan dalam sebuah perlakuan atau tindakan melalui aspek pertuturan dan perbuatan. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan nilai keberanian melalui sikap tidak membuta tuli, sikap benar, sikap mempertahankan diri, sikap mempertahankan pendirian dan sikap bertanggungjawab

Oleh itu, terdapat beberapa petikan yang menunjukkan semangat kekitaan yang akan dikaitkan dengan Filem Bukit Kepong seperti di bawah:

---

“Dimana pengganas tadi berdiri berdakyah” tanya Penghulu Ali kepada anak buahnya. Dia diberitahu bahawa Lektuan telah berdiri diatas sebuah kerusi

---


(Bukit Kepong: 1981)

Lantas Penghulu Ali terus meminta kerusi yang sama untuk berdiri diatasnya seraya melaungkan lontaran agar jangan cepat termakan dengan pujukan komunis yang

menjanjikan tawaran yang manis. Hal ini kerana, penduduk di kepulauan melayu merupakan sebuah kepulauan yang miskin yang bertaraf rendah. Hal ini kerana anggota Lektuan tersebut telah berpidato dan menyeru penduduk disitu untuk menyokong perjuangan mereka jika mahu selamat. Katanya, parti komunis bertujuan akan memberikan mereka kemenangan dan berjuang habis-habisan demi kesenangan penduduk di Bukit Kepong, Muar Johor. Katanya lagi jikalau rakyat memberikannya sokongan dan enggan bekerjasama dengan pihak mereka pasti akan dihukum jika mengingkarinya.

Hal ini amat bertentangan dengan sikap seorang ketua jika ingin melakukan manifesto yang jelas, perlulah menunjukkan teladan yang baik. Demikian, mereka yang mendengarkan dakwahnya sahaja kelihatan tidak keruan dan gelisah setelah mendengar pidatonya. Sebelum mereka beredar, Lektuan komunis tersebut telah memerintahkan orangnya menaikkan bendera merah yang bersimbolkan tukul dan sabit di tiangbendera yang terdapat disitu.

Disini juga dapat dilihat bahawa sewaktu zaman penjajahan sebelum merdeka. Kepulauan-kepulauan melayu kecil amat mudah ditawan dan dirampas oleh pihak komunis. Hal ini kerana, mereka akan menyelidik dahulu sebelum melakukan sebarang tindakan. Tepat dengan pemilihan mereka untuk menawan Bukit Kepong adalah kerana kedudukan kepulauan ini agak jauh dari bandar dan kemungkinan untuk kemudahan berhubung secara radio sewaktu dahulu juga agak sukar di kawasan terpencil tersebut. Justeru itulah, wujudnya penjajah komunis sewaktu dahulu di Bukit Kepong, Muar Johor untuk memerintah negeri mereka. Penganas komunis adalah golongan penderhaka kepada agama, raja dan negeri. Merekalah yang akan melakukan kezaliman di sana sini semata-mata hanya kerana gilakan kuasa.



#### 4.2.5 : Rajah menunjukkan detik kezaliman komunis

**Sumber: tayangan filem**

Selain itu, terdapat beberapa petikan yang lain juga dalam menunjukkan semangat keberanian yang akan dikaitkan dengan Filem Bukit Kepong seperti di bawah:

“Biar saya pijak kerusi ini supaya semangat dakyah komunis yang ditaburkan oleh mereka disini tadi tidak sempat bertunas, tidak boleh berkembang disini”

(Bukit Kepong:1981)

Seraya perarakan berkumpul oleh rakyat di Bukit Kepong, Muar Johor mulai panas dan ingin bersurai. Datanglah Penghulu Ali dengan bertindak menghentak-hentakkan kakinya di atas kerusi tempat dimana Lektuan komunis itu berdiri dan bertindak amat marah. Semua orang yang berada disitu hanya dapat memperhatikan tindakan penghulu kampung mereka. Masing-masing hanya mampu berdiam dan “Apakah tuan-tuan komunis memerintah kita?” tandanya memecahkan kesunyian. Soalan itu tiada siapa berani menjawabnya dan seluruh rakyat yang berkumpul disitu hanya mampu diam tertunduk. Penghulu Ali tidak berpuas hati apabila pertanyaannya tidak menjawab. “Suka atau tidak?” desaknya sekali lagi.

Jelas dapat dilihat, personaliti yang dimiliki Penghulu Ali adalah keberanian. Penghulu merupakan seorang ketua yang tegas dan berani dalam melaungkan pendapatnya demi kesejahteraan bersama. Hal ini kerana, memilih seorang ketua dalam menggerakkan sesebuah pasukan, karakter yang amat penting adalah seorang yang adil dan amanah dalam melaksanakan tugasnya demi hakiki rakyat. Justeru keperibadian yang dimiliki oleh penghulu ali adalah benar kerana berani kerana benar. Penghulu Ali mengingatkannya penduduknya untuk tidak mudah terpengaruh dengan dakwah penganas komunis. Hal ini kerana, jika mereka tersilap langkah akan mengakibatkan seluruh hidup mereka akan merana kerana dijajah oleh puak komunis daru penjajah barat. Penghulu Ali juga tegas dalam menyatakan bulatkan kesetiaan kepada sultan dan pemimpin. Penghulu Ali juga tidak rela anak buahnya dipanggil penderhaka kerana ugutan penganas.

Penghulu Ali juga turut mengingatkan penduduknya dalam bahasanya “kita orang melayu, orang islam dan rakyat negeri Johor”. Kita tidak akan rela diperkosa oleh fahaman yang asing. Tambahan pula kita tahu mereka itu pendusta dan zalim. Penghulu Ali bersyarah dengan penuh semangat, seperti Dato’ Onn Ja’afar berucap di perhimpunan politik. Penghulu Ali merayu kepada penduduk di Bukit Kepong dan sekitarnya supaya memberi tahu kepadanya sekiranya ada cubaan orang asing apalagi penganas komunis yang cuba berdakwah disitu. Selepas perhimpunan ringkas tersebut, Penghulu Ali dan orang-orangnya pulang kerumah masing-masing.



### 4.3 Unsur Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong berdasarkan Teori Sosiologi


Teori sosiologi merupakan teori yang pengkaji pilih untuk diaplikasikan dalam kajian namun pengkaji hanya menentengahkan satu pendekatan sahaja iaitu pendekatan kemasyarakatan. Menurut sosiologi Damsar (2015) yang mengatakan bahawa konsep sosiologi pendidikan mempelajari hubungan antara masyarakat, yang di dalamnya terjadi interaksi sosial, dengan pendidikan. Dalam hubungan dapat dilihat bagaimana masyarakat mempengaruhi kastasosial.

Aris (2021), menyatakan bahawa aspek sosiologi berfungsi sebagai pendekatan kemasyarakatan iaitu mengkaji ciri luaran teks atau menawarkan kritikan terhadap sesebuah karya sastera mahupun filem. Hal ini kerana, pendekatan ini akan memfokuskan kepada perkara seperti perspektif latar belakang pengarang dan konteks sosial teks. Hubungan kritikan sesebuah teks boleh diklasifikasikan melalui analisis yang melihat teks sebagai kesan pengaruh masyarakat terhadap kewujudan manusia berkenaan dengan komponen politik, ekonomi, budaya dan sebagainya yang bertujuan untuk memperbaiki masyarakat.

Seterusnya, menggunakan pendekatan sosiologi untuk penyelidikan melibatkan isu sosial seperti bagaimana masyarakat moden, tradisional atau kuno. Selain itu, aspek dalam menganalisis masyarakat luar bandar atau bandar dengan pelbagai aktiviti mereka lakukan merupakan sebagian daripada aspek pengkaji ingin mengkaji. Segala perubahan sosial termasuk protes sosial dibincangkan menggunakan pendekatan sosiologi. Dimana pendekatan tersebut juga termasuk perkara khusus pengorbanan dan pertempuran yang dilakukan untuk membina masyarakat bertamadun. Selain itu, moral masyarakat, etika, budaya, bahasa dan falsafah sosial merupakan komponen penting dalam kaedah ini.

Filem “Bukit Kepong”, terdapat unsur patriotisme yang boleh dianalisis melalui kaca mata teori sosiologi. Patriotisme ialah perasaan cinta dan taat setia terhadap negara dan bangsa. Dalam konteks teori sosiologi, patriotisme boleh difahami sebagai hasil interaksi antara individu dengan persekitaran sosial mereka. Pendekatan sosiologi melihat patriotisme sebagai fenomena sosial yang dipengaruhi oleh faktor sosial seperti budaya, nilai dan norma dalam masyarakat. Filem “Bukit Kepong”, mempunyai unsur patriotisme yang dapat diperhatikan melalui aksi dan sikap watak utama yang berjuang mempertahankan negara dan melindungi masyarakat daripada ancaman musuh.

Teori sosiologi juga dapat membantu memahami faktor-faktor yang mempengaruhi patriotisme dalam filem. Sebagai contoh, faktor seperti identiti negara, pengalaman sejarah, dan nilai kebangsaan boleh memainkan peranan penting dalam menjana semangat patriotisme dalam kalangan watak dalam filem. Hal ini demikian, disetiap analisis sosiologi patriotisme juga boleh dilihat sebagai sebahagian daripada struktur sosial yang mempengaruhi interaksi dan hubungan antara individu dalam masyarakat. Sebagai contoh, semangat patriotisme yang kuat dapat mengeratkan semangat setiakawan dan jalinan sosial antara anggota masyarakat. Melalui terapan penggunaan teori sosiologi, pengkaji dapat memahami bagaimana unsur patriotisme dalam filem “Bukit Kepong” dicerminkan melalui interaksi sosial, struktur sosial, dan faktor sosial yang mempengaruhinya.



Rajah 4.3 : Pendekatan Sosiologi

#### 4.3.1 Naratif Kehidupan Bermasyarakat

Pendekatan sosiobudaya dalam teori sosiologi, naratif kehidupan sosial menjadi fokus utama. Pendekatan ini menekankan kepentingan memahami bagaimana individu dan kumpulan dalam masyarakat berinteraksi antara satu sama lain, membentuk identiti, dan mencipta makna dalam konteks sosial.

Dalam pendekatan ini, naratif kehidupan sosial digunakan untuk memahami pengalaman individu dan bagaimana pengalaman ini berkaitan dengan struktur sosial yang sedia ada. Naratif ini merangkumi cerita, pengalaman hidup, nilai, dan norma yang membentuk kehidupan harian individu dan kumpulan. Melalui naratif kehidupan sosial, Emile Durkheim (1891) boleh menganalisis bagaimana faktor sosiobudaya, seperti agama, budaya, jantina, dan kelas sosial, mempengaruhi pengalaman individu dan membentuk corak sosial dalam masyarakat. Pendekatan sosiobudaya ini membantu dalam memahami kerumitan kehidupan sosial dan bagaimana faktor-faktor ini berinteraksi dan mempengaruhi antara satu sama lain.

Melalui memahami naratif kehidupan sosial, ahli sosiologi dapat mengenal pasti corak sosial, ketidaksamaan, konflik dan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Pendekatan sosiobudaya ini memberikan gambaran yang mendalam tentang kehidupan sosial dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh tentang dinamik sosial.

#### **4.3.1.1 Nilai Persaudaraan**

Manusia perlu membuat baik kerana amalan tersebut akan dihitung di akhirat kelak. Ia juga sebagai amalan atau bekalan ketika bertemu 162 dengan Allah SWT. Wan Hussein Azmi (1988) menjelaskan bahawa persaudaraan kerana Allah SWT menjadi tanda orang mukmin. Allah SWT telah menyatukan hati-hati orang Mukmin dalam suatu ikatan kasih sayang dan Allah SWT telah menyebut dalam al-Qur'an Tentang persaudaraan ini dan menyatakan bahawa persaudaraan ini adalah suatu

nikmat-Nya yang besar. Sifat persaudaraan yang tinggi dan setia menggambarkan bagaimana tingginya nilai persaudaraan. Dari an-Nu'man Bin Basyir RA, katanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Perumpamaan kaum Mukminin dalam hal kasih sayang dan saling berbelas kasihan itu adalah seperti jasad. Apabila satu anggota sakit, membawa seluruh jasad akan turut sakit dan berjaga malam kerana demam.” (Muttafaq ‘alaih. M.Abdai Rathomy, 1984:346). Berikut di bawah terdapat filem Bukit Kepong yang menggambarkan nilai persaudaraan yang digunakan dalam kajian:

Datang Tucksai menghampiri sarjan jaafar hassan untuk segera meminta tolong anak kawannya jatuh perigi

“ Berhenti, siapa tu? Jawab tucksai seraya terkejut dengan suara sarjan jaafar hassan.

“Datuk ini saya, Tucksai. lu orang tak tahu ke sekarang perintah berkurung.”

“Saya tahu, tapi wa ada hal besar. Anak kawan saya, tolong datuk. Dia jatuh perigi sangat dalam. Tolong saya datuk. “  
(cina)

seraya itu sarjan Jaafar Hassan menyuruh Tucksai masuk ke balai untuk ditemu bual lebih lanjut berkaitan kejadian sebelum mereka memulakan operasi pencarian. (melayu)

(Bukit Kepong, 1981)

Petikan diatas menggambarkan dalam konteks nilai-nilai patriotisme dalam sastera. Terdapat beberapa elemen dapat dikenal pasti iaitu keindahan nilai persaudaraan dan keharmonian ditunjukkan konsep persaudaraan dan keharmonian dalam masyarakat, yang sejajar dengan nilai-nilai patriotisme yang menggalakkan persaudaraan di antara umat manusia tanpa mengira perbezaan bangsa. Dalam Islam, toleransi dan

saling memahami di antara pelbagai bangsa dan etnik adalah nilai penting, dan kehidupan harmoni dianggap sebagai satu tujuan masyarakat Islam. Akhir sekali, filem ini juga merujuk kepada kepelbagaian dalam ciptaan Allah, seperti pelbagai bangsa yang hidup bersama secara harmoni di sebuah pulau terpencil.

Dalam Islam, kepelbagaian diciptakan oleh Allah sebagai tanda kebesaran-Nya, dan manusia diingatkan untuk menghormati dan menghargai perbezaan yang diciptakan oleh-Nya. Hal ini jelas menggambarkan filem ini dapat dianggap sebagai suatu penghayatan nilai persaudaraan, toleransi antara bangsa, dan penghargaan terhadap kepelbagaian ciptaan Allah, yang semuanya selaras dengan nilai-nilai patriotisme bersifat agama.

#### 4.3.1.2 Nilai Muafakat dan Tolong-Menolong

Tolong menolong (ta'awun) dalam Al-Qur'an disebutbeberapa kali, di antaranya yaitu 5:2, 8:27, 18:19, 3:110, dan juga dalam beberapa ayat lainnya. Ayat yang menerangkantolong menolong (ta'awun) dan penjelasannya adalah: Surah al-Maidah Ayat 2:

(٢) وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ



Maksudnya: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan Bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksaNya”.

Hal ini jelaslah bahawa muafakat dan tolong-menolong itu merupakan satu amalan yang mulia. Hal ini jelas dilihat antara perkauman ibu dan suami yang mempunyai masa lapang pada petang hari untuk bersama-sama berganding bahu menyiapkan persiapan untuk menyambut anggota polis rumah pasung yang baru dengan majlis kesyukuran seusai solat isyak di masjid.

Muafakat dan tolong menolong bermaksud menolong di antara satu sama lain. Membantu orang lain adalah penting untuk kehidupan kita. Kerana setiap manusia mempunyai kemahiran yang unik, apabila kita mempunyai kelebihan dalam sesuatu situasi, kita boleh membantu lebih daripada diri kita sendiri seperti golongan-golongan yang lebih memerlukan. Perbuatan ini dianggap sebagai satu perbuatan yang murni dan mulia. Individu yang membantu antara satu sama lain ini pasti datangnya dari individu yang berhati mulia dengan menggarapkan agama di dalam kehidupan seharian dengan baik.

Seterusnya, dengan cara yang sama faedah daripada individu lain turut dapat memberi kebaikan untuk kita. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia memerlukan antara satusama lain untuk mewujudkan

hubungan yang harmoni dan saling lengkap melengkapi sesama manusia. Jadi, antara konsep penting yang diperlukan untuk menjalin hubungan yang baik antara manusia adalah dengan membantu antara satu sama lain. Nescaya satu hubungan erat akan terjalin. Nilai muafakat dan tolong menolong ini juga turut digarapkan dalam petikan filem Bukit Kepong di bawah:

“Kaum ibu pula datang bersama-sama suami mereka untuk menanak nasi dan memasak secara rewang di pekarangan masjid untuk menyambut kehadiran mereka dengan mengadakan sedikit sajian majlis kenduri kesyukuran “

(Bukit Kepong,1981)

Petikan yang diberikan mengandungi unsur gotong-royong dan kerjasama, yang merupakan nilai-nilai yang sangat ditekankan dalam Islam. Gotong-royong adalah satu nilai penting dalam Islam yang mengajar tentang kebersamaan dan bantuan antara sesama manusia. Penerapan Dalam alur dialog filem yang dapat digunakan oleh pengkaji seperti “Apabila semua Kerjasama, Yang berat menjadi ringan” ini menerangkan tentang Kerjasama. Menerusi petikan diatas juga, pengarang ingin menyampaikan pesan tentang pentingnya bekerjasama untuk menjadikan beban yang berat menjadi lebih ringan. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk semangat gotong-royong dalam membantu sesama. Selain itu, terdapat juga nilai ketabahan dan keprihatinan menerusi petikan alur filem di atas. Islam mengajar tentang ketabahan dalam menghadapi cabaran hidup dan keprihatinan terhadap keadaan semasa.

### 4.3.2 Gaya Hidup Masyarakat

Gaya hidup manusia merupakan aspek yang penting untuk difahami didalam pendekatan sosiobudaya dalam teori sosiologi. Gaya hidup merangkumi corak tingkah laku, nilai, tabiat dan keutamaan yang dipegang oleh individu dan kumpulan dalam masyarakat. Pendekatan sosiobudaya melihat gaya hidup sebagai hasil interaksi kompleks antara faktor sosial, seperti budaya, agama, ekonomi dan persekitaran. Gaya hidup manusia dapat mencerminkan nilai-nilai yang ditegakkan dalam masyarakat itu, serta mencerminkan perbezaan sosial, seperti perbezaan kelas sosial, jantina dan umur.

Dalam menganalisis gaya hidup manusia, ahli Emile Durkheim (1891) menyatakan sosiologi menggunakan pendekatan sosiobudaya untuk memahami bagaimana faktor sosial ini dalam mempengaruhi pilihan dan tingkah laku individu. Sebagai contoh, Emile Durkheim (1891) turut mengkaji bagaimana gaya hidup yang berkaitan dengan kesihatan, makanan, fesyen atau hiburan dipengaruhi oleh faktor sosial dan bagaimana gaya hidup ini boleh mempengaruhi interaksi sosial dan struktur sosial.

Pendekatan sosiobudaya membantu dalam memahami kerumitan gaya hidup manusia dan bagaimana gaya hidup ini berkaitan dengan struktur sosial sedia ada. Dengan memahami gaya hidup manusia, Emile Durkheim (1891) menganalisis dan mengenal pasti corak sosial, perubahan sosial dan akibat sosial yang berkaitan dengan gaya hidup individu tersebut.

Patriotisme merupakan nilai penting dalam membentuk identiti nasional dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dalam filem “Bukit Kepong”, unsur patriotisme dapat dianalisis melalui teori sosiologi melalui gaya hidup rakyat yang

terkandung dalam kisah perjuangan tentera polis di Bukit Kepong. Berikut adalah beberapa aspek unsur patriotisme dalam filem berdasarkan teori sosiologi iaitu pengorbanan dan bakti. Unsur patriotisme juga dapat dilihat melalui pengorbanan dan bakti anggota tentera polis di Bukit Kepong. Mereka sanggup berkorban nyawa demi keselamatan rakyat dan negara, yang merupakan contoh berbakti kepada tanah air. Teori sosiologi menekankan kepentingan pengorbanan dan perkhidmatan sebagai aspek penting dalam membentuk masyarakat yang patriotik dan bertanggungjawab

Kepentingan dalam kelompok masyarakat amat penting diterapkan dengan teori sosiologi kerana ia menekankan kepentingan masyarakat dalam membentuk identiti dan perpaduan nasional. Dalam filem Bukit Kepong, masyarakat sekitar Bukit Kepong turut memberikan sokongan kepada anggota polis dalam memerangi musuh. Mereka turut serta dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara, menunjukkan betapa pentingnya peranan masyarakat dalam memperkasakan nilai patriotisme

Justeru, unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong boleh dianalisis melalui teori sosiologi berteraskan gaya hidup rakyat yang menekankan nilai-nilai perpaduan, solidariti, pengorbanan, bakti dan kepentingan masyarakat. Melalui filem ini, pengkaji dan khalayak dapat memahami betapa pentingnya nilai patriotisme dalam membentuk jati diri bangsa yang kukuh dan bersatu padu. Filem ini juga memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menghargai jasa pahlawan dan pejuang kemerdekaan yang telah berkorban untuk negara.

### 4.3.3 Bahasa

Pendekatan sosiobudaya terhadap bahasa melibatkan kajian bagaimana bahasa dipengaruhi oleh faktor sosial dan budaya. Ini melibatkan pemahaman hubungan antara bahasa dan masyarakat, serta bagaimana bahasa digunakan dalam interaksi sosial. Bahasa dapat mencerminkan struktur sosial melalui penggunaan bahasa yang berbeza oleh kumpulan sosial yang berbeza. Sebagai contoh, kumpulan yang mempunyai status sosial yang tinggi mungkin menggunakan bahasa yang formal dan lebih tersusun, manakala kumpulan yang mempunyai status sosial yang rendah mungkin menggunakan bahasa yang lebih santai atau slanga. Oleh itu, bahasa dapat memberi perhatian kepada perbezaan penggunaan bahasa, pengkaji dapat melihat bagaimana struktur sosial mempengaruhi komunikasi dan interaksi sosial.

Bahasa boleh mencerminkan struktur sosial melalui penggunaan perkataan, frasa, dan gaya komunikasi yang berbeza-beza antara kumpulan sosial. Sebagai contoh, dalam masyarakat yang mempunyai hierarki sosial yang kuat, bahasa yang digunakan oleh kumpulan elit mungkin lebih formal dan mengandungi istilah yang kompleks, manakala bahasa yang digunakan oleh kumpulan yang lebih rendah dalam hierarki sosial mungkin lebih santai dan mudah. Oleh itu, terdapat perbezaan bahasa antara kumpulan sosial. Setiap kumpulan sosial mempunyai gaya komunikasi dan penggunaan bahasa yang tersendiri. Sebagai contoh, sekumpulan remaja mungkin menggunakan istilah slanga yang berbeza daripada sekumpulan orang dewasa. Begitu juga, kumpulan etnik atau budaya yang berbeza mungkin juga mempunyai bahasa atau dialek yang unik. Perbezaan ini mencerminkan identiti kumpulan sosial dan boleh mempengaruhi cara mereka berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain.

Filem Bukit Kepong merupakan sebuah karya yang memaparkan pendekatan sosiobudaya melalui bahasa dengan menggambarkan kehidupan masyarakat di kawasan Bukit Kepong pada zaman penjajahan Jepun. Bahasa yang digunakan dalam filem ini mencerminkan nilai budaya dan tradisi masyarakat kampung yang diwakili oleh watak dalam cerita. Sekaligus, bahasa dalam filem juga mencerminkan hubungan politik antara penduduk tempatan dengan pihak berkuasa pada masa itu. Dialog antara watak-watak mencerminkan ketegangan politik yang berlaku dan bagaimana masyarakat setempat meresponsnya melalui bahasa dan tindakan.

Melalui dialog dan interaksi antara watak dalam filem, penonton dapat melihat bagaimana bahasa digunakan sebagai medium untuk menyampaikan nilai sosial, adat resam dan hubungan sesama manusia dalam masyarakat. Bahasa juga digunakan untuk menggambarkan perubahan sosial dan politik yang berlaku ketika itu, serta menggambarkan perjuangan dan patriotisme rakyat tempatan dalam menghadapi penjajahan. Justeru, pendekatan sosiobudaya melalui bahasa dalam filem Bukit Kepong membantu mengetengahkan aspek penting kehidupan masyarakat kampung ketika itu dan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang konteks sejarah dan budaya di sebalik cerita tersebut.

#### **4.3.4 Kesan dan Pengaruh**

Dalam teori sosiologi, kesan dan pengaruh sosiobudaya sangat penting dalam memahami masyarakat. Teori sosiologi cuba menjelaskan bagaimana faktor sosiobudaya mempengaruhi tingkah laku, interaksi dan struktur sosial dalam masyarakat. Satu pendekatan dalam sosiologi ialah pendekatan fungsionalisme.



Pendekatan fungsionalisme, seperti yang pengkaji nyatakan sebelum ini, pendekatan ini menekankan kepentingan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh pelbagai aspek sosiobudaya dalam mengekalkan keseimbangan dan kestabilan sosial. Menurut pendekatan fungsionalis, masyarakat dianggap sebagai satu sistem yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang saling berinteraksi dan menyokong antara satu sama lain untuk mengekalkan kelangsungan hidup dan kestabilan sosial.

Pendekatan fungsionalisme juga mengakui bahawa sosiobudaya mempunyai pengaruh yang luas dalam membentuk norma, nilai dan institusi dalam masyarakat. Contohnya, di dalam aspek bahasa, agama, keluarga dan sistem pendidikan merupakan aspek sosiobudaya yang sangat penting dalam membentuk identiti dan tingkah laku individu serta mempengaruhi corak sosial dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diingat bahawa sosiologi juga melibatkan pelbagai pendekatan lain, seperti konflik sosial dan interaksionisme simbolik, yang memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang dinamik sosial dan pengaruh sosiobudaya dalam masyarakat.

Pendekatan sosiobudaya dalam filem “Bukit Kepong” merupakan aspek penting yang memainkan peranan utama dalam membentuk naratif dan konteks cerita. Filem ini bukan sahaja mengisahkan peristiwa sejarah yang berlaku di Bukit Kepong pada zaman penjajahan Jepun, malah turut menonjolkan nilai budaya, politik dan sosial yang mempengaruhi kehidupan masyarakat tempatan. Melalui kesan dan pengaruh sosiobudaya, filem ini mampu menyampaikan mesej yang lebih mendalam kepada penonton.

Salah satu aspek sosiobudaya yang terkandung dalam filem “Bukit Kepong” ialah penggambaran kehidupan masyarakat kampung yang dipengaruhi oleh nilai tradisi dan budaya tempatan. Watak-watak dalam filem ini digambarkan sebagai individu yang menjunjung nilai kekeluargaan, keberanian dan semangat patriotisme. Bahasa yang digunakan oleh watak juga mencerminkan budaya tempatan yang kuat dan memberi kesan yang mendalam kepada penonton.

Selain itu, filem ini juga menggambarkan hubungan politik antara penduduk tempatan dan pihak berkuasa ketika itu. Dialog antara watak mencerminkan ketegangan politik yang berlaku dan bagaimana masyarakat tempatan bertindak balas terhadap mereka melalui bahasa dan tindakan. Pengaruh politik ini memberi dimensi baru kepada cerita dan menunjukkan bagaimana faktor politik memainkan peranan penting dalam kehidupan orang kampung.

Kesan sejarah juga menjadi elemen penting dalam filem ini. Dengan menggunakan bahasa dan dialog yang tulen, filem "Bukit Kepong" membawa penonton kembali ke zaman penjajahan Jepun di Malaysia dan menggambarkan bagaimana peristiwa bersejarah ini mempengaruhi kehidupan penduduk tempatan. Bahasa menjadi medium utama untuk menyampaikan perjuangan dan kesungguhan pejuang Bukit Kepong dalam menghadapi penjajah.

Secara keseluruhannya, pendekatan sosiobudaya melalui kesan dan pengaruh dalam filem “Bukit Kepong” memberikan dimensi cerita yang lebih kompleks dan mendalam. Dengan menggabungkan nilai budaya, politik dan sejarah, filem ini bukan sahaja menghiburkan tetapi juga memberikan pemahaman yang lebih luas tentang latar belakang sejarah dan budaya Malaysia. Secara keseluruhannya, pendekatan

sosiobudaya dalam filem “Bukit Kepong” memberi ruang refleksi dan pemahaman yang lebih mendalam tentang nilai-nilai yang diwarisi generasi terdahulu.

Tuntasnya, melalui pendekatan fungsionalisme struktural dari segi sosiobudaya masyarakat di dalam filem "Bukit Kepong" memang sangat penting untuk memahami konteks dan nilai-nilai yang disampaikan dalam cerita tersebut. Melalui cara menggabungkan aspek budaya, sejarah, dan politik, filem ini mampu memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kehidupan masyarakat kampung pada masa penjajahan Jepun di Malaysia. Keseluruhan, pendekatan sosiobudaya ini memberikan dimensi yang lebih dalam dan kompleks kepada cerita, serta memberikan ruang untuk refleksi dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap nilai-nilai yang diwarisi dari generasi sebelumnya.

#### 4.4 Kepentingan Nilai-Nilai Patriotisme dalam Teks Kesusasteraan Filem Melayu

Nilai-nilai patriotisme menerusi sikap rela berkorban, semangat cinta kepada negara, semangat kekitaan dan semangat keberanian menuntut kemerdekaan yang terkandung dalam Filem Bukit Kepong merupakan satu wahana penting untuk memberikan kesedaran positif kepada masyarakat khususnya dalam teks kesusasteraan filem melayu. Menurut David Archard (1999) patriotisme merujuk kepada seseorang yang benar-benar berbakti kepada bangsanya dan sanggup berkorban untuk negara itu dikatakan seorang patriot. Seorang patriot, bagaimanapun, pasti akan menekan sentimen cinta dan berbakti kepada negara demi memenuhi cita-cita dan impiannya. Oleh itu, adalah penting untuk melaksanakan cita-cita patriotik ini dalam setiap masyarakat Malaysia kerana hasil hubungan sosial yang kukuh, negara yang harmoni dapat dibina secara tidak langsung. Jelaslah, sekiranya masyarakat mengenali dan merenung setiap naratif yang cuba disampaikan oleh pengarang, minat yang terkandung dalam filem Bukit Kepong boleh dijadikan sebagai medium perantara yang meningkatkan kesedaran dan menyampaikan ilmu.

Menurut (Sapardi Djoko Damono, 1979) dalam konteks ini dapat dilihat bahawa genre sastera, khususnya berkaitan tekstual dapat mengetengahkan satu persoalan yang turut dibicarakan oleh sosiologi iaitu masyarakat dan segala aktiviti di sekitar mereka. Masyarakat dan kesusasteraan sentiasa berkait rapat terutama berkaitan aspek sosiobudaya sendiri mahupun pembaca. Konsep pertama pendekatan sosiologi ialah sastera sebagai cermin masyarakat, budaya dan sejarah. Beliau juga memulakan perbincangan tentang hubungan antara sastera dan masyarakat melalui kod pertamanya, yang menggambarkan sastera sebagai cermin nilai budaya bangsa yang dipandang tinggi.

Nilai-nilai patriotisme dalam konteks kajian pengkaji menerusi aspek struktural sebagai dokumentasi sosial dan pemeriksaan unsur protes sosial hanyalah beberapa contoh bagaimana

kajian pengkaji untuk dinilai dalam konteks sosialnya yang dapat diaplikasikan. Hal ini kerana untuk meneroka lebih banyak aspek nilai. Kedudukan atau pencapaian sesebuah karya dalam persekitaran sosial iaitu analisis yang dihasilkan melalui saluran dialog yang disalurkan dalam filem sejarah hitam pilihan pengulas juga turut diketengahkan dalam kajian berkaitan komponen nilai-nilai patriotisme berdasarkan teks kesusasteraan filem melayu.

#### **4.4.1 Melahirkan Generasi Yang Berani**

Maksud nilai Keberanian ialah manusia yang memiliki kesanggupan bertindak untuk mengharungi setiap dugaan dan cabaran dengan yakin, tabah dan cekal hati serta bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko (Tajul Arifin Nordin & Nor' aini Dan, 1992; Aboebakar Atjeh, 1998; Jumali Selamat, 2001, NoritaAriffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013; Mohd FirdausChe Yaacob, 2015). Nilai keberanian dapat dirumuskan sebagai manusia yang memiliki kesanggupan, tidak berasa gusar dan ragu yang mana manusia bersifat tabah, tidak takut kepada cabaran, berpegang teguh kepada prinsip benar dan hak, mendukung kebenaran serta berani menanggung risiko demi menghadapi rintangan dalam sebuah perlakuan atau tindakan melalui aspek pertuturan dan perbuatan. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan nilai keberanian melalui setiap tindakan individu tersebut.

Oleh itu, nilai generasi yang berani juga dipancarkan secara jelas oleh informan menerusi filem bertajuk Bukit Kepong, berdasarkan petikan di bawah:

“Dimana penganas tadi berdiri berdakwah” tanya Penghulu Ali kepada anak buahnya. Dia diberitahu bahawa Lektuan telah berdiri diatas sebuah kerusi

(Bukit Kepong,1981)

Berdasarkan petikan diatas menyatakan tentang keadaan individu bertindak nekad lantas Penghulu Ali terus meminta kerusi yang sama untuk berdiri diatasnya seraya melaungkan lontaran agar jangan cepat termakan dengan pujukan komunis yang menjanjikan tawaran yang manis. Hal ini kerana, penduduk di kepulauan melayu merupakan sebuah kepulauan yang miskin yang bertaraf rendah. Hal ini kerana anggota Lektuan tersebut telah berpidato dan menyeru penduduk disitu untuk menyokong perjuangan mereka jika mahu selamat. Katanya, parti komunis bertujuan akan memberikan mereka kemenangan dan berjuang habis-habisan demi kesenangan penduduk di Bukit Kepong, Muar Johor. Katanya lagi jikalau rakyat memberikannya sokongan dan enggan bekerjasama dengan pihak mereka pasti akan dihukum jika mengingkarinya.

Selain itu, nilai generasi yang berani juga dipancarkan secara jelas oleh informan menerusi filem bertajuk Bukit Kepong, berdasarkan petikan di bawah:

Penghulu Ali begitu gelisah mendengar bunyi berbalas tembak yang semakin hebat. Dia harus berbuat sesuatu untuk membantu pasukan polis. Penghulu Ali telah mem-bahagikan pasukan yang ramai itu kepada dua. Satu pasu-kan akan berundur ke belakang kemudian mara menyusur ke arah rumah pasung untuk mengelak daripada dikesan oleh pasukan pemintas komunis. Satu pasukan lagi akan berundur sedikit dan terus menyusur mengikut jalan tebing sungai.

Belum beberapa jauh langkah mereka, gerak dan geri pasukan Pengulu Ali telah dapat dipintas oleh pasukan kecil penganas komunis.

(Bukit Kepong, 1981)



Berdasarkan petikan diatas menyatakan tentang keadaan individu iaitu Penghulu Ali, bertindak nekad untuk bertindak membalas tembakan kembali. Beliau berganding bahu bersama anggota polis demi membalas serangan musuh komunis kembali pasukan penganas komunis. Sudah beberapa kali anak buah Penghulu Ali cuba membuat percubaan memboloskan diri daripada perangkap pintasan kumpulan penganas komunis itu, tetapi tidak berjaya. Setiap kali mereka mencuba, mereka akan menjadi sasaran peluru musuh. Penghulu Ali terpaksa bertahan di situ sahaja sementara menunggu saat dan ketika yang baik untuk bertindak. Tembakan-tembakan terus hebat. Pasukan komunis terus menyerang. Pasukan polis terus bertahan dengan gagahnya. Orang-orang kampung di bawah pimpinan Penghulu Ali masih belum dapat sampai ke destinasi yang hendak dituju. Penduduk Cina yang tinggal berhampiran dengan kompleks polis juga dalam ketakutan, rumah mereka telah menjadi sasaran peluru sesat tembakan kedua-dua.

#### **4.4.2 Membentuk Generasi Muda Cinta Akan Tanah Air**

Maksud nilai cinta akan tanah air melalui sikap sayangkan negara ialah kata 'cinta' membawa maksud perasaan sayang terhadap negara, orang tua, dan kebebasan (Kamus Dewan, 2016). Seterusnya, kata 'negara' pula membawa maksud sesuatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan, kawasan yang di bawah kekuasaan kerajaan tertentu (Kamus Dewan, 2016). Dalam konteks nilai cinta akan negara, melalui sikap manusia cintakan negara merujuk kepada rakyat yang memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme terhadap kerajaan dalam sesebuah negara taklukan.

Selain itu, sikap manusia sayangkan kepada negara juga dipancarkan secara jelas oleh informan menerusi filem bertajuk Bukit Kepong, berdasarkan petikan di bawah:

"Othman, ada orang datang. Awas, beri aku cover, mungkin musuh," minta EPC Jaafar Arshad kepada Othman, dia menyangkakan Othman masih berada jauh dari pintu masuk.

"Baik, aku sedia! Hamzah Ahmad dan AP Ali Akop pun ada. Kami dalam kubu depan, jangan risau!" jerit Othman.

Dalam waktu darurat dan perintah berkurung ini, masih ada juga orang berjalan pada waktu malam. Kedua-dua lembaga tadi semakin hampir. Hamzah Ahmad dan rakan-rakannya sudah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Apabila mendengar suara jeritan EPC Jaafar Arshad, Hassan Osman mengejutkan Lans Koperal Jidin Omar sambil berlari ke dalam kubu depan di atas anjung dan mengambil kedudukannya. Kedua-dua lembaga yang diterangi oleh samar cahaya andang berdiri tegak memati-kan diri tidak jauh dari balai penghulu, berhadapan dengan kubu pintu masuk kompleks polis.

"Berhenti!! Siapa itu?" cabar Hamzah Ahmad.

(Bukit Kepong, 1981)

Melalui petikan diatas dapat dijelaskan sikap Koperal Jaafar Arshad dalam membentuk nilai-nilai yang terkandung dalam filem "Bukit Kepong". Sikap beliau lahirkan dan ditunjukkan kepada anak buah di rumah pasung Bukit Kepong amat penting dalam membentuk generasi muda untuk melahirkan sikap cintakan tanah air. Melalui kisah ini, yang mengisahkan keberanian dan pengorbanan anggota polis di Bukit Kepong dalam menumpaskan dan mempertahankan penduduk kampung mereka daripada serangan komunis pada tahun 1950-an. Filem ini dapatlah diambil iktibar, dalam menyampaikan beberapa nilai yang boleh mempengaruhi generasi muda untuk menghargai dan mencintai tanah air.

Pertama sekali, nilai keberanian dan semangat juang yang ditunjukkan oleh anggota polis dalam menghadapi serangan musuh adalah contoh teladan bagi generasi muda. Mereka sanggup berkorban untuk melindungi kampung halaman dan rakyat, tanpa ragu-ragu menghadapi bahaya demi kebaikan bersama. Nilai ini dapat memberi inspirasi kepada generasi muda untuk tidak takut menghadapi cabaran dan berjuang demi kebaikan bersama.

Selain itu, nilai perpaduan dan kesetiaan juga amat dititikberatkan dalam filem ini. Anggota polis di Bukit Kepong menunjukkan kesetiaan yang tinggi antara satu sama lain dan kepada kampung halaman mereka. Mereka bekerjasama tanpa mengira perbezaan etnik, agama atau latar belakang, untuk satu matlamat yang lebih besar. Ini memberikan mesej penting kepada generasi muda tentang kepentingan perpaduan dan solidariti dalam membina sebuah negara merdeka.

Tambahan pula, nilai pengorbanan juga menjadi tema utama dalam filem Bukit Kepong. Dimana tentera polis sanggup berkorban nyawa dan mengorbankan kebahagiaan pribadi demi melindungi tanah air dan rakyat. Pengorbanan ini menunjukkan betapa pentingnya rasa tanggungjawab terhadap negara dan masyarakat, serta bersedia untuk berkorban demi kebaikan bersama. Generasi muda haruslah belajar daripada nilai-nilai ini untuk lebih mengambil berat tentang bangsa dan negara mereka.

Menerusi elemen daripada memahami dan menghayati nilai-nilai tersebut melalui filem Bukit Kepong, generasi muda dapat berkembang menjadi individu yang cintakan tanah air, mempunyai semangat juang, perpaduan, kesetiaan, dan sedia berkorban demi kebaikan bersama. Nilai-nilai ini akan membentuk watak generasi

muda yang kuat, patriotik dan bertanggungjawab terhadap masa depan untuk negara. Justeru, filem Bukit Kepong mempunyai peranan penting dalam membentuk generasi muda yang cintakan tanah air.

#### 4.4.3 Membangkitkan Semangat Perjuangan

Menurut Alatas (2014), perkataan “perjuangan” mempunyai nilai yang tinggi kerana ia merujuk kepada usaha yang sangat berani di mana seseorang sanggup berkorban untuk mencapai matlamat atau sasaran utama. Semangat kebangsaan juga adalah berbakti dan cinta yang mendalam akan negara dan bangsa. Semangat kebersamaan ini sudah tentu akan membangkitkan semangat masyarakat untuk terus berjuang mewujudkan negara yang lebih baik di samping berusaha memulihkan identiti negara serwajagat.

Justeru, petikan filem Bukit Kepong berikut menggambarkan betapa pentingnya pembaca dan masyarakat memperjuangkan kebebasan demi mengukuhkan semangat patriotisme dalam setiap masyarakat:

“Abu Bakar Daud memboloskan dirinya melalui lubang itu dan terjun ke arah kubu di bawah berek. Dia terjelepok di tebing kubu kerana tubuhnya sudah mulai lemah. Senjata yang dibawanya jatuh terdampar di atas tanah tidak jauh dari tempat dia tergoles tadi. Dia menoleh ke atas dan menjerit kepada isterinya supaya lubang tadi ditutup semula. Abu Bakar Daud terkial-kial sendirian di situ.

Ledakan pertama dari pihak musuh telah mengejutkan seluruh anggota polis. Balasan tembakan awal oleh AP Osman Yahya, EPC Jaafar Arshad, AP Mahmood Saat, Jaafar Hassan dan Lans Koperal Jidin Omar bertalutalut telah menjadikan seluruh anggota polis terjaga daripada tidur masing-masing. Mereka bangun tergesa-gesa me-rangkul senjata masing-masing dan bergerak pantas me-nuju ke kubu pertahanan tanpa sempat menukar pakaian Yang bertugas mengawal ketika itu terus membalas tembakan musuh dengan berani tetapi berhati-hati.”

(Bukit Kepong, 1981)

Petikan di atas menunjukkan kepentingan sikap berjuang menuntut kemerdekaan kepada masyarakat menerusi watak Abu Bakar Daud. Hal ini dikatakan demikian kerana Abu Bakar memiliki sifat berjuang yang tinggi untuk mempertahankan tanah air serta beliau turut rela berkorban nyawa demi tugas yang digalas olehnya. Semangat berjuang menuntut kemerdekaan yang dipaparkan dalam diri Abu Bakar ini jelas menyatakan kepada masyarakat bahawa apabila kita menginginkan sebuah kemenangan, kita sewajarnya menanamkan sikap berani dalam setiap hal yang hendak atau bakal dilakukan demi memastikan keinginan tersebut dapat dicapai.

Oleh itu, adalah penting bagi setiap masyarakat membentuk minda untuk memperjuangkan kemerdekaan kerana ini akan menjadikan mereka lebih nasionalistik dan sanggup berkorban untuk negara serta menjaga keselamatan mereka walaupun terpaksa meninggalkan orang yang tersayang.

Nilai-nilai yang terkandung dalam filem Bukit Kepong mempunyai kepentingan yang besar dalam membentuk semangat juang generasi muda. Antaranya adalah dari segi nilai yang sangat penting iaitu nilai membangkitkan semangat perjuangan. Nilai ini merujuk kepada dorongan atau motivasi yang kuat untuk memperjuangkan sesuatu yang dianggap penting, sama ada untuk menjaga tanah air, mempertahankan kebenaran, mahupun menghadapi segala cabaran dengan keazaman yang kuat.

Dalam konteks filem “Bukit Kepong”, nilai membangkitkan semangat perjuangan amat terserlah melalui watak-watak anggota tentera polis yang gigih dan penuh semangat dalam memerangi serangan komunis yang mengancam

kampung halaman mereka. Mereka tidak pernah berputus asa walaupun berhadapan dengan situasi yang sangat sukar dan berbahaya. Semangat juang mereka mendorong mereka untuk terus berjuang untuk melindungi rakyat dan tanah air, tanpa mengenal penat atau takut.

Kepentingan nilai Membangkitkan semangat perjuangan dalam filem Bukit Kepong dapat dilihat dari aspek inspirasi dan motivasi. Menerusi kisah-kisah anggota polis di Bukit Kepong boleh menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada generasi muda agar tidak mudah berputus asa dalam mengharungi cabaran hidup. Mereka boleh belajar daripada keazaman dan semangat juang watak dalam filem tersebut untuk terus memperjuangkan cita-cita dan matlamat yang dianggap penting. Seterusnya dari segi pembinaan sahsiah. Melalui nilai membangkitkan semangat perjuangan, generasi muda dapat belajar untuk memiliki perwatakan yang kuat, gigih dan tidak pernah berputus asa dalam menghadapi segala rintangan dan cabaran. Semangat juang ini akan membantu mereka untuk kekal bersemangat dan fokus dalam mencapai matlamat hidup.

Seterusnya dari aspek patriotisme dan cinta tanah air. Nilai membangkitkan semangat perjuangan juga dapat mengukuhkan semangat patriotisme dan cintakan negara generasi muda. Mereka akan mendapat inspirasi untuk lebih mengambil berat tentang negara dan bersedia untuk berjuang demi kebaikan bersama, seperti yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam filem Bukit Kepong. Justeru, nilai membangkitkan semangat perjuangan dalam filem Bukit Kepong mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk generasi muda yang mempunyai semangat juang, keteguhan budi pekerti, patriotisme dan cintakan tanah air. Melalui kisah yang penuh inspirasi dan motivasi ini, diharapkan generasi muda dapat



menjadi agen perubahan positif dalam membina masa depan yang lebih baik untuk bangsa dan negara.

#### 4.4.4 Meningkatkan Semangat Kebangsaan

Masyarakat di setiap negara sudah tentu tidak lekang dari memupuk semangat kebangsaan yang dapat dikenalpasti melalui perasaan cinta dan taat setia kepada negara, budaya dan tradisi dalam diri setiap individu. Manakala semangat "kebangsaan" pula membawa erti kepada perasaan taat setia serta kecintaan yang mendalam kepada tanah air dan bangsa. Oleh itu, berjuang adalah satu perkataan yang sangat berharga kerana memerlukan keberanian yang tinggi dan kesanggupan berkorban demi mencapai matlamat atau sasaran utama. Semangat kemasyarakatan sebenarnya akan mendorong orang ramai untuk terus berusaha mewujudkan negara yang lebih baik. Disamping, berusaha memulihkan jati diri sekaligus untuk menebus maruah bangsa daripada mudah digadai.

Oleh itu, sikap berjuang menuntut kemerdekaan dalam Filem Bukit Kepong ini dapat memberi kepentingan kepada pembaca mahupun masyarakat dalam meningkatkan semangat kebangsaan dalam diri setiap masyarakat menerusi petikan-petikan di bawah :

"Polis tidak akan menyerah! Kami tidak akan menyerah!" jerit Othman penuh semangat. Bunyi jeritan laung-an bersemangat Othman itu menaikkan bulu roma rakan-rakannya. Semangat mereka terus memuncak. Sarjan Jamil Mohd. Shah dan anak buahnya yang lain akur dengan jawapan Othman tadi. Sarjan Jamil Mohd. Shah sungguh bangga dengan ke-azaman dan semangat yang telah ditunjukkan oleh anggota-nya.

"Kita datang ke sini bukan untuk menyerah, kita men-jalankan amanah dan tanggungjawab!" kata Sarjan Jamil Mohd. Shah kuat, memberi semangat kepada anak buahnya.

(Bukit Kepong,1981)

Petikan di atas menunjukkan kepentingan sikap berjuang menuntut kemerdekaan kepada masyarakat menerusi watak anggota polis Othman yang mengajak anggota lain untuk sama-sama semarakkan semangat demi terus bangkit berjuang melawan musuh. Hal ini dikatakan demikian kerana Sarjan Jamil Mohd bersama anggota polis di rumah pasung Bukit Kepong memiliki sifat berjuang yang tinggi untuk mempertahankan tanah air serta mereka turut rela berkorban nyawa demi tugas yang digalas oleh mereka. Semangat berjuang menuntut kemerdekaan yang dipaparkan dalam diri Sarjan Jamil Mohd Bersama anggota polis lain ini jelas menyatakan kepada masyarakat bahawa apabila kita menginginkan sebuah kemenangan. Kita sewajarnya menanamkan sikap berani dalam setiap hal yang hendak atau bakal dilakukan demi memastikan keinginan tersebut dapat dicapai.

Oleh hal yang demikian, sikap berjuang menuntut kemerdekaan ini sememangnya amat penting untuk ditanamkan dalam diri setiap masyarakat kerana masyarakat dapat meningkatkan semangat kebangsaan diam diri mereka sehingga sanggup kehilangan nyawa demi negara tercinta terus berada dalam keadaan yang aman meskipun perlu meninggalkan insan yang tersayang.

Selain itu, terdapat petikan lain yang menunjukkan sikap berjuang menuntut kemerdekaan yang mampu memberi kepentingan kepada masyarakat :

"Kita datang ke sini bukan untuk menyerah, kita menjalankan amanah dan tanggungjawab!" kata Sarjan Jamil Mohd. Shah kuat, memberi semangat kepada anak buahnya.

"Polis tidak akan menyerah, kami akan lawan!" jerit kuat Sarjan Jamil Mohd. Shah. Anak buahnya yang sedang bertahan di dalam kubu masing-masing mematikan diri sambil bersiap sedia dengan senjata yang dihalakan ke arah musuh. Selesai sahaja jeritan menyahut cabaran pengganas komunis tadi, Sarjan Jamil Mohd. Shah melaungkan takbir dengan lantang.

Anggota-anggotanya yang lain tidak menjawab, mereka cuma diam mendengar kata-kata bersemangat daripada ketua mereka.

(Bukit Kepong, 1981)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan kepentingan sikap berjuang menuntut kemerdekaan kepada masyarakat melalui watak Sarjan Jamil Mohd yang berkeras untuk tidak meninggalkan tempat pertempuran yang beliau sedang duduki itu demi mempertahankan negerinya. Sikap Sarjan Jamil Mohd Bersama anak buahnya yang begitu mahu berjuang habis-habisan ini telah memaparkan bahawa pentingnya masyarakat untuk meningkatkan semangat kebangsaan dalam diri mereka. Ini kerana semangat kebangsaan ini timbul apabila kita sebagai rakyat mahu membebaskan negara daripada dibolot atau diancam oleh musuh sekaligus mahu membentuk negara yang merdeka serta berdaulat.

Nilai meningkatkan semangat kebangsaan yang terkandung dalam filem Bukit Kepong memainkan peranan penting dalam membentuk identiti nasional dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Nilai ini merujuk kepada usaha memupuk rasa cinta dan taat setia terhadap negara, serta memupuk semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan rakyat. Dalam konteks filem Bukit Kepong, nilai ini amat penting kerana ia menggariskan kepentingan kesetiaan

kepada negara dan semangat kebangsaan dalam menghadapi cabaran dan ancaman yang dapat mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.

Justeru itu, kepentingan nilai peningkatan Semangat Kebangsaan dalam filem Bukit Kepong dapat dilihat melalui aspek pemantapan jati diri bangsa. Melalui kisah perjuangan anggota polis di Bukit Kepong, filem ini memperkukuh jati diri negara Malaysia dengan menonjolkan semangat taat setia dan berkorban terhadap negara. Watak-watak dalam filem ini menunjukkan kesetiaan mereka kepada tanah air dan rakyatnya, yang menjadi contoh yang baik untuk generasi muda untuk menghargai dan mencintai negara mereka.

Seterusnya dari segi nilai memupuk semangat perpaduan, nilai meningkatkan semangat kebangsaan juga membantu dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dalam filem Bukit Kepong, walaupun tentera polis terdiri daripada pelbagai etnik, mereka bersatu memerangi musuh bersama demi kepentingan bersama. Ini memberikan mesej yang kuat tentang kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, tanpa mengira perbezaan budaya atau latar belakang.

Selain itu, nilai menghargai sejarah dan warisan bangsa di Filem Bukit Kepong turut membantu menghidupkan sejarah dan warisan bangsa Malaysia melalui kisah perjuangan tentera polis. Dengan memahami dan menghayati sejarah negara, generasi muda dapat lebih menghargai jasa pahlawan dan pejuang kemerdekaan yang berkorban demi kemerdekaan negara. Justeru, nilai meningkatkan semangat kebangsaan dalam filem Bukit Kepong mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk jati diri bangsa, memupuk semangat perpaduan, menghormati

sejarah dan warisan bangsa. Melalui kisah yang penuh inspirasi ini, diharapkan generasi muda dapat memahami nilai-nilai kebangsaan, cintakan negara dan perpaduan sebagai asas utama dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan maju.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 Rumusan


Konklusinya, filem Bukit Kepong arahan Tan Sri Jins Shamsuddin ini telah membuktikan bahawa melalui analisis yang dilakukan dari segi unsur patriotisme yang terkandung di dalamnya dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang penting memupuk semangat patriotisme dalam diri setiap insan. Disamping dapat melahirkan insan yang mempunyai jati diri kukuh serta membentuk masyarakat yang lebih bermoral. Selain itu, filem ini juga turut memberikan kepentingan kepada masyarakat menerusi unsur patriotisme yang digambarkan melalui analisis teks oleh pengkaji seperti sikap cinta kepada negara, sikap kekitaan, sikap rela berkorban dan sikap berjuang menuntut keamanan demi kemerdekaan yang hakiki. Unsur-unsur patriotisme yang ditonjolkan dalam filem ini menggambarkan betapa tingginya semangat cinta kepada negara seseorang insan di mana sanggup berkorban hingga ke titisan akhir demi menyelamatkan orang lain serta mendapat keamanan yang hakiki dari dirampas oleh pihak luar atau dipanggil musuh dalam selimut. Oleh itu, unsur patriotisme yang dipaparkan dan diperlihatkan dalam sudut adegan setiap babak filem dapat dianalisis dengan mengaplikasikan teori sosiologi menerusi pendekatan Fungsionalisme Struktural mampu memberikan keberkesanan terhadap pembentukan masyarakat berjiwa politik. Melalui analisis setiap babak filem yang dipaparkan menggambarkan betapa tragis dan kejamnya musuh dalam selimut merampas hak bukan milik mereka demi ketamakan yang rakus hingga sanggup mengorbankan insan yang tidak bersalah sehingga berlaku pertumpahan darah. Demikian itu, unsur patriotisme yang terdapat dalam filem ini bukan sahaja dipertontonkan kembali kisah sebenar sewaktu Bukit Kepong ditawan namun ia juga dapat melihat dari sudut lain iaitu dari segi kehebatan para pejuang terdahulu yang sanggup berjuang demi keamanan. Oleh itu, sebagai masyarakat yang mendiami negara sendiri mempunyai




keamanan hakiki haruslah bersyukur serta terus berbakti dengan menjaga keamanan dan keharmonian negara yang telah kita rasai pada masa kini. Unsur-unsur patriotisme seperti ini membuat masyarakat membuka mata dengan cara mengagumi keperibadian para pejuang yang kaya dengan keberanian dan sikap berjuang yang tinggi serta mulia.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan secara ringkas mengenai analisis dan dapatan kajian yang telah dibuat. Berdasarkan daripada kajian yang dilaksanakan secara sistematik mengenai unsur Patriotisme dan menerapkan teori sosiologi berdasarkan filem Bukit Kepong 1981 yang berpusat di Daerah Muar, Johor pengkaji telah mendapati terdapat unsur patriotisme yang diterapkan di dalam kehidupan seorang prajurit sewaktu memperjuangkan tanah air tercinta yang menjadikan pada harini tanah air negeri Johor telah dimerdekakan suatu ketika dahulu. Seiring dengan membuat kesimpulan tentang dapatan kajian dan sama ada ia mencapai matlamat yang ditetapkan pada bab awalnya, bab ini juga akan memasukkan maklumat menyeluruh tentang penyelidikan yang telah dijalankan. Akhir sekali, ia secara tidak langsung akan menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh kajian terhadap unsur-unsur patriotisme. Tambahan pula, pada bahagian ini juga pengkaji mencadangkan beberapa saranan serta cadangan yang bersesuaian sekaligus dapat digunakan dalam penyelidikan pada masa akan datang sekiranya filem Bukit Kepong 1981 yang diarahkan oleh Tan Sri Jins Samsuddin ini dijadikan dasar penyelidikan mengenai unsur patriotisme. Hal ini dikatakan demikian kerana, projek penyelidikan yang dilaksanakan oleh pengkaji pada masa ini dapat membantu serta menyumbangkan sedikit sebanyak bagi menjawab persoalan serta objektif kajian pada masa akan datang sekiranya bersesuaian dengan kajian yang pengkaji laksanakan. Oleh itu, dalam

konteks mengangkat unsur patriotisme ini, perbincangan yang diikuti dalam bab ini berfungsi sebagai upaya yang jelas dan tidak bercanggah dengan matlamat utama penyelidikan yang dihasilkan oleh pengkaji.

## 5.2 Hasil Perbincangan

Bahagian perbincangan ini merumuskan tentang kaedah dapatan kajian menerusi kaedah mengkaji, menganalisis serta menghurai maklumat, maka pada bahagian perbincangan ini adalah untuk merumuskan hasil dapatan kajian. Analisis objektif kajian yang dijalankan dengan lebih terperinci dalam bab empat sebelumnya berfungsi sebagai asas untuk semua perbincangan dalam bab ini, yang kini bertujuan untuk garis panduan dan ketetapan untuk ditepati oleh pengkaji.

Melalui analisis yang berpandukan hasil daripada analisis objektif kajian yang pertama adalah mengenal pasti unsur-unsur patriotisme yang terkandung dalam filem Bukit Kepong 1981, pengkaji telah memperolehi dengan menggunakan kaedah perpustakaan, pengkaji melihat melalui bahan bercetak seperti tesis, jurnal, dan buku rujukan untuk mengumpul maklumat. Tambahan pula, pengkaji turut menggunakan teknik carian web menggunakan sesawang web yang bereputasi sah seperti *Google Scholar*, *Academia*, *Scribd* dan *Thesis Online*. Selain itu, kaedah analisis tekstual juga turut digunakan melalui menganalisis teks atau skrip terhadap filem Bukit Kepong 1981. Kaedah-kaedah ini telah diaplikasikan dalam kajian untuk mengumpul sebanyak mungkin data berkaitan aspek patriotisme yang didedahkan oleh watak dan situasi dalam filem tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa unsur patriotisme yang dipaparkan menerusi penceritaan dalam Filem Bukit Kepong 1981 dapat melahirkan seseorang individu yang berjiwa masyarakat dalam

membentuk individu yang berjiwa kental dan berjiwa patriotik dalam mempertahankan negara. Sikap sebegini menjadi peranan utama kepada kepada pengkaji untuk diketengahkan kepada sesebuah kerluarga dalam mendedahkan serba sedikit tentang nilai patriotik dalam memupuknya.

Filem Bukit Kepong 1981 yang dihasilkan arahan Tan Sri Jins Shamsudin dihasilkan pada tahun 1981 ini mengandungi sejumlah besar kepadatan peristiwa dan adegan yang menunjukkan aspek patriotisme. Unsur-unsur patriotisme ditimbulkan dalam pelbagai keinginan berkorban untuk negara, aspirasi untuk negara, semangat kekitaan, dan memperjuangkan kemerdekaan adalah beberapa contoh patriotisme dalam filem ini.

Kesemua unsur patriotisme yang dikenal pasti mempunyai peranan, kepentingan, dan faedah tersendiri yang dipersembahkan untuk tontonan dan bacaan, selepas itu ia diakui, diperhatikan, dan difahami. Kemudian, semangat patriotik yang membawa perkara yang memberi kebaikan dalam kehidupan seharian dan seharusnya terus dipupuk, disemai, dan akhirnya diperkukuh.

Rentetan itu, merujuk pula kepada dapatan kajian yang dianalisis berdasarkan objektif kedua iaitu menganalisis unsur-unsur patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981 berdasarkan pengaplikasian teori berasaskan Teori Sosiologi. Pengkaji hanya memfokuskan kepada satu aspek sahaja iaitu Teori Fungsionalisme Struktural. Fungsionalisme Struktural yang digunakan dalam menganalisis unsur patriotisme dengan lebih terperinci.

Selain itu, merujuk kepada objektif ketiga dalam kajian pengkaji berkaitan perbincangan ini adalah dari sudut mengkaji kepentingan nilai-nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda dalam filem berjudul Bukit Kepong 1981. Secara umumnya kita ketahui dan fahami bahawa generasi muda pada masa kini sebenarnya telah semakin luntur sedikit demi sedikit lemahnya seseorang insan berkaitan jati diri akibat daripada hakisan tamadun manusia semakin maju dan secara tidak langsung telah menjadikan generasi ini semakin kurang dari segi pendedahan penerapan semangat patriotik dalam diri mereka. Hal ini kerana, mereka sebenarnya kurang diberikan pendedahan atau kefahaman akan perjuangan serta pengorbanan para prajurit negara suatu ketika dahulu yang bersusah payah ingin menuntut hak kemerdekaan hakiki dari sebarang anasir campur tangan luar yang berperang ingin merampas negara Malaysia. Generasi muda pada masa kini sememangnya tidak merasai kesusahan dan keperihan kehidupan zaman semasa sebelum kemerdekaan di mana zaman penjajahan berlaku dahulu. Keamanan yang kita kecapi pada hari ini sebenarnya adalah sumbangan daripada prajurit-prajurit pejuang terdahulu. Dalam hal ini, Filem Bukit Kepong 1981 telah memberi seribu erti tentang penjajahan yang berlaku sehingga berlaku pertumpahan darah di setiap adegan babak di mana memberi peranan menjadi salah satu cara atau medium untuk didedahkan kepada masyarakat tentang makna patriotisme yang sebenarnya. Selain itu juga, unsur patriotisme yang diketengahkan oleh pengkaji sebenarnya memandangkan kisah yang diceritakan dalam filem ini merupakan kisah sejarah hitam yang sebenar.

Sehubungan itu, pengkaji menganalisis filem ini bukan sahaja meneliti dan menjelaskan setiap komponen patriotisme yang telah diserapkan ke dalam kesedaran masyarakat tentang kepentingan patriotisme dalam kehidupan bermasyarakat tanpa

mengira bangsa, agama, pangkat dan faktor lain. Hasilnya adalah sebuah filem ini bukan sahaja menggambarkan sejarah hitam dari segi penjajahan berlaku tetapi juga menerapkan patriotisme yang terkandung di dalamnya untuk memberi kepentingan kepada masyarakat.

Secara ringkasnya, unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong 1981 ini mampu memberikan kesedaran disamping sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara. Melalui unsur-unsur patriotisme yang diketengahkan sebenarnya dapat meningkatkan semangat patriotisme mereka yang jitu dengan memasukkan kesedaran tentang menghargai keamanan yang diciptakan ke dalam diri setiap masyarakat contohnya di negara Malaysia sendiri. Sebagai contoh, sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos disambut dengan meriah di Malaysia. Sambutan ini akan dinikmati oleh semua kaum dan agama sebagai satu cara untuk menyatakan rasa cinta dan cinta kita kepada Malaysia. Rentetan daripada ini menunjukkan dengan sangat jelas bahawa memasukkan aspek patriotisme ke dalam kehidupan seharian akan meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan menghormati pengorbanan yang dilakukan oleh pejuang tanah air terdahulu yang berjuang bermati-matian untuk membawa keamanan yang kita alami hari ini.

---

MALAYSIA

---

KELANTAN



### 5.3 Cadangan

Cadangan adalah merupakan langkah-langkah yang boleh diambil susulan daripada pengumpulan, penganalisan dan rumusan data, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan tentang cadangan berkaitan unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong 1981 dengan mengaplikasikan teori Sosiologi. Hasilnya, pengkaji memperoleh kekuatan untuk membuat beberapa cadangan yang selaras dan bersesuaian dengan tajuk kajian dan diyakini mampu meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat hari ini, berdasarkan dapatan kajian daripada bab-bab sebelumnya. Beberapa cadangan yang penyelidik percaya sesuai disenaraikan di bawah.

#### 5.3.1 Meluaskan skop kajian

Antara cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah untuk para pengkaji perlu lanjutkan dari segi mempelbagaikan dan meluaskan lagi skop kajian mereka tentang patriotisme dengan menggunakan filem seperti Bukit Kepong 1981 atau karya lain yang menonjolkan aspek patriotisme di Malaysia. Hal ini dipercayai berlaku memandangkan skop kajian ini terhad kepada unsur patriotisme yang terkandung dalam Filem Bukit Kepong 1981 semata-mata. Sejurus dengan mengaplikasikan teori Sosiologi sahaja tanpa di buat perbandingan dengan filem-filem patriotik lain yang mungkin menghasilkan hasil watak yang lebih berjiwa patriotik di mana kemungkinan berbeza daripada filem ini. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah tidak menyeluruh dan tidak menggabungkajian dari pelbagai sudut.

### **5.3.2 Lebih Ramai Pengkaji Menghasilkan Genre Sastera Patriotisme**

Tambahan pula, pengkaji turut mencadangkan agar lebih banyak para pengkaji menghasilkan karya-karya sama ada dari genre novel, syair, sajak, puisi dan sebagainya yang memaparkan unsur patriotisme secara khusus dalam penghasilan karya yang dibuat oleh mereka. Hal ini dianggap demikian kerana sekiranya terdapat karya yang mempamerkan unsur patriotisme, maka kajian akan datang mungkin juga mengandungi unsur-unsur tersebut dan lebih menyeluruh, berfungsi sebagai sumber kepada masyarakat. Sementara itu, pengkaji turut mencadangkan supaya kajian-kajian yang berunsur patriotisme dengan mengaplikasikan teori Sosiologi yang khusus perlu diperluaskan lagi.

### **5.3.3 Bayangan Sudut Sistem Sosial**

Teori Sosiologi yang bersifat dasar kepada Teori Fungsionalisme Struktural adalah sebuah teori yang dipelopori oleh Emile Durkheim yang membawa bayangan kepada sebuah masyarakat sebagai satu kelompok yang disusun dari pelbagai komponen dan mempengaruhi antara satu sama lain. Teori ini juga turut memandang sudut sistem sosial. Dimana elemen sosial dari segi darjat seorang prajurit dikaitkan dengan pengorbanannya yang telah menumpaskan musuh demikian harus menghadapi kesukaran hingga titisan akhir memberi sinonim kepada teori yang dipilih yang bersifat sosiologi sebuah masyarakat. Pendekatan kepada teori ini adalah pendedahan yang meluas dapat dikaitkan dan sekaligus dapat membentuk peribadi yang mulia kepada masyarakat di luar sana.

Secara keseluruhannya, cadangan yang dirumuskan berdasarkan kajian ke atas unsur patriotisme dalam filem berjudul Bukit Kepong 1981 adalah sebuah kajian terhadap pengaplikasian Teori Sosiologi ini saling berkait antara satu sama lain. Biarpun filem ini adalah terbitan lama, namun sedikit sebanyak iai memberi panduan dalam setiap penghayatan setiap babak dan kesedaran yang tinggi tentang sifat menghargai setiap keamanan yang kita kecapai pada hari ini. Namun ianya juga memberi keupayaan kepada pengkaji untuk menjadikan unsur patriotisme ini sebagai cetusan idea yang munasabah serta dapat diguna pakai pada masa kini dan pada masa akan datang. Tuntasnya bahawa unsur patriotisme dalam filem Bukit Kepong 1981 ini mampu memberi kesan dan impak yang positif jika diamati dengan teliti oleh masyarakat yang menontonnya. Sekaligus filem ini juga memberi nilai positif dari sudut menabur bakti serta sentiasa menghargai akan keamanan yang dikecapi di negara sendiri.

#### 5.4 Implikasi kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijelankannya, pengkaji optimis bahawa keseluruhan dapatan kajian akan memberi manfaat kepada masyarakat dan menjadi sumber panduan kepada mereka dalam kehidupan seharian. Manakala kajian terhadap unsur patriotisme dinilai dan diperhatikan oleh masyarakat telah diperluaskan secara ringkas berkaitan kajian komponen patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981 melalui penerapan teori Sosiologi melalui dasar Fungsionalisme Struktural ini. Dalam susunan itu, masyarakat dapat mengambil iktibar daripada kajian yang dijalankan betapa pentingnya aspek patriotisme ini diterapkan dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini didakwa berlaku kerana golongan muda dalam masyarakat hari ini amat terdedah kepada kemusnahan halus akhlak dan budi pekerti mereka yang disebabkan oleh budaya luar. Oleh itu, sekiranya masyarakat dapat memahami dan menghargai penyelidikan yang dijalankan, sudah pasti ia merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan untuk terus menjadi warga yang berguna dan nilai yang kami letakkan di atas segala jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh para pejuang dalam masa lalu demi keselamatan negara.

Selain daripada itu, kesan daripada tumpuan utama pengkaji ini ketengahkan jua berkaitan unsur patriotisme yang ingin diterapkan di dalam diri setiap individu juga dipengaruhi oleh institusi kekeluargaan. Di mana ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak mereka membesar dengan dikelilingi oleh sejarah hitam putih yang berlaku di negara sendiri sebagai satu langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan sikap sayang akan negara dapat dipupuk dalam diri agar terus terpelihara dan dapat dimartabatkan lagi oleh generasi akan datang.

Tambahan pula, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat dengan mendidik masyarakat tentang erti sebenar patriotisme. Ia juga boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang ingin menjalankan kajian tambahan mengenai subjek patriotisme. Penyelidikan seperti ini mampu dijadikan bahan rujukan kepada pelajar yang ingin mengkaji berkaitan patriotik. Jelasnya, kajian ini memberi penekanan terperinci untuk menyerlahkan secara terperinci kajian berkaitan unsur patriotik dan merupakan sumber yang sesuai untuk bahan bacaan atau sumber rujukan.

## 5.5 Penutup

Secara keseluruhannya, melalui kajian ini dapat dilihat berkaitan kajian yang bertajuk Nilai Patriotisme dalam Filem Bukit Kepong 1981 berdasarkan analisis teori sosiologi. Kajian ini telah menyingkapkan pelbagai penerapan unsur patriotisme yang boleh dititikberatkan dalam kehidupan seharian. Cara setiap babak dari unsur patriotisme pengkaji tampilkan melalui setiap naratif lisan yang ditonjolkan dalam filem Bukit Kepong memudahkan pengkaji lain mendalami setiap isi dialog yang berlegar sewaktu di dalam filem tersebut. Unsur berkaitan nilai patriotisme yang ditonjolkan ini juga berupaya memberi kesedaran kepada khalayak penonton di mana secara tidak langsung memberi penonton mahupun pengkaji dapat mengambil iktibar daripada penghayatan kepada filem berkaitan sejarah tragedi berdarah di Malaysia.

Secara tuntasnya, hasil daripada kajian ini ternyata wujudnya keperluan untuk menekankan penerapan patriotisme dalam kalangan masyarakat. Hal ini dianggap berlaku, kerana setiap orang harus menyokong dan terlibat dalam menangani isu hilangnya persefahaman dan semangat patriotisme masyarakat. Pepatah "bersatu teguh, bercerai teguh" boleh digunakan untuk menyerlahkan betapa pentingnya untuk menyemai, memupuk, dan menerapkan patriotisme dalam setiap komuniti. Sememangnya terdapat banyak kumpulan kaum dan agama yang berbeza di Malaysia. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap masyarakat untuk menjamin bahawa mereka berasa cinta dan sayang kepada Malaysia. Justeru, komponen patriotisme mempunyai kepentingan yang istimewa dalam kehidupan bermasyarakat dan perlu menjamin kesejahteraan sewarjagat. Tegasnya, Bagi melahirkan insan cemerlang dan masyarakat yang hidup aman dan sentosa, semua pihak perlu bersatu padu bagi "aur dengan tebing" untuk bersama-sama memupuk nilai patriotik




dalam masyarakat yang sarat dengan unsur patriotisme yang boleh dijadikan contoh oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira agama atau bangsa.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## RUJUKAN

- Abdul Rahim. (1999). Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd
- Ahmad Mazhab Ayob, A.M. (1985). Kaedah Penyelidikan sosioekonomi: suatu pengenalan. Dewan Bahasa Pustaka.
- Al-Roubaie, A. (2009). Ibn Khaldun's Concept of 'Asabiyyah: A Solution to Contemporary Problems in Muslim Societies. Dlm. Osman Bakar & Baharudin
- Ahmad (Eds.), Proceedings of International Conference Ibn Khaldun's Legacy and Its Significance (ms. 319-350). Kuala Lumpur: ISTAC, IIUM.
- Arif, A. M. (2020). Perspektif Teori Sosial Emile Durkheim Dalam Sosiologi, Pendidikan. Moderasi: Jurnal Studi Ilmu Pengetahuan Sosial, 1(2), 1-14.
- AS Hornby, 1898—1998: A Centenary Tribute. International Journal of Lexicography, 11(4), 251-263.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1985), Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, M. A., & Nik Muhamad Affendi, N. R. (2019). Patriotisme Peribadi Dalam Novel- Novel Pilihan. Jurnal Melayu Sedunia, 2(1), 63–92. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/2179>
- Adnan, A. F. M., & Abd Rahim, N. (2014). Kritikan Sosial dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. Journal of Business and Social Development, 2(2), 62-73.
- Aziz, M. A., & Affendi, N. R. N. M. (2019). Patriotisme Peribadi Dalam Novel-Novel Pilihan. Jurnal Melayu Sedunia, 2(1), 63-92. Chicago.
- Damsar, (2006). Pengantar Sosiologi Pendidikan. Jakarta: Kumpulan Media Prenada.
- Durkheim, Emile. (2003). Sejarah Agama karya Inyik Ridwan Muzir. Yogyakarta: Penerbit IRCISOD
- Damsar (2011) “Masyarakat Madani dan Peran Perguruan Tinggi: Suatu Kajfian Sosiologis” dalam Indonesfia Baru Menuju Masyarakat Madani diedit oleh Syakirman M. Noor. Padang : Baitul Hikmah Press
- Deni, S. R. (n.d.). Rela berkorban. 2012 “Sikap rela berkorban <https://sriahmadeni.blogspot.com/2012/01/rela-berkorban.html>

- Hasnita dan Mohd Haizam (2011) jurnal mereka iaitu Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Masyarakat Majmuk di Malaysia.
- Holmes dan van Marle. (1959). Nilai patriotisme belia Malaysia. Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Hadi Ranto, Syarif Firmansyah (2017) Upaya Mewujudkan Pemahaman Nilai Nilai Patriotisme Dalam Bersikap Mahasiswa Program (2017) Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial
- Juhan Junaidi, Zairul Anuar Md. Dawam, & Rosli Sareya. (2021). Elemen Patriotisme Dalam Filem Mat Salleh Pahlawan Sabah (1983): Elements Of Patriotism In The Film Mat Salleh Pahlawan Sabah (1983). Jurnal Gendang Alam (GA), 11(1).
- Kamal, Z. F. M., & Radzi, S. B. M. (2020). Patriotisme Dan Sejarah Dalam Cerpen Nazel Hashim Dan Ismail Sarbini: Satu Perbandingan Patriotism And History In The Story Of Nazel Hashim And Ismail Sarbini: A Comparison. Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal, 3(4), 17-30.
- Karim, R. (2021, Mei 5). Definisi Operasional: Tujuan, Manfaat dan Cara Membuat. Buku Deepublish. <https://deepublishstore.com/definisi-operasional/>
- Kerlinger, F. N (1973). Foundation od Behavioral Research. New York: Renehart and Winston
- Laurenson, Diana and Swingewood, Alan. (1972). The Sociology of Literature. Granada Publishing Limited, London.
- Lexy, J. M. (2007). Metodologi Penelitian Kualitatif Edisi Revisi. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- M.F.C. Yaacob. & Nasirin Abdullah. (2018). Fenomena Sosial Dalam Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat), 6(1), 95-116.
- Maizatul Akma Aziz; Nik Rafidah Nik Mohamad Affendi; Halis Azhan Mohd Hanafiah and Kamariah Kamarudin, (2017), Elements of Patriotism in “Pahlawan Pasir Salak” Novel, International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7, (3), 842-850.
- M. Scheler, (1993), Slametan Yogyakarta Dalam Persepektif Konsep Nilai

- M.S. bin Othman, bin Abd Latif, M. A., & bin Husin, A. Z. (2021). Cabaran dan halangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang mengintergrasikan kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 17, 150-168.
- Mustafa, M. (2006). *Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Mohd Firdaus, Nasirin Abdullah (2015) *Fenomena Sosial dalam Novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* :kajian Teori Sosiologi Sastera. Universiti Malaysia Kelantan
- Muhammad Rusydi Rasyid (2015). "Pendidikan Dalam Perspektif Teori Sosiologi dalam Auladuna: *Jurnal Pendidikan Dasar Islam*", 2(2), 274- 286.
- Nordin Kardi (2003). *Nilai patriotisme belia Malaysia*. Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2002). Patriotisme dalam penulisan sejarah. kertas kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Ngafifi, Muhammad (2014). "Kemajuan Teknologi dan Pola Hidup Manusia dalam Perspektif Sosial Budaya dalam *Jurnal Pembangunan Pendidikan Fondasi dan Aplikasi*. 2(1): 10-14. Kuala Lumpur.
- Nidzam Sulaiman (2018). *Pemikiran Sosial*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Normaliza Abd. Rahim.(2014). *Filem Zombi Kampung Pisang: Satu Kajian Teori 'Sosiologi Sastera*. Universiti Kebangsaan Malaysia Putri
- Parmono, R. "Konsep Nilai Menurut Max Scheler." *Jurnal Filsafat*, Nov. 1993, pp. 43-51, doi:10.22146/jf.31366.
- Rahman, W. R. A., & Norazlan, N. E. (2016). Budaya Hedonisme Dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Melayu: Culture Of Hedonism Among The Malays Graduate Student. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 27(1), 1-24.
- Ronidin, R. (2010) dalam kajian "Masyarakat Minangkabau Pasca-PRRI: Dalam Cerpen Ketika Jendral Pulang karya Khairul Jasmi : Mengkaji teori sosiologi
- Sulaiman Masri (2003) *Penganalisan Data UKEssays*. (November 2018). Metodologi atau kaedah. Retrieved from <https://www.ukessays.com/essays/education/metodologi-atau-kaedah.php?vref=1>
- Sulaiman, M. A., & Masri, M. N. (2015). Effects of soil properties to corrosion of underground pipelines: A review. *Journal of Tropical Resources and Sustainable Science (JTRSS)*, 3(1), 14-18. <This message was edited.

Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan (1992). Pendidikan Dan Wawasan 2020. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd

Hotel Beverly, Kota Kinabalu. Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan Dan Pendidikan Sosial, University Malaysia Sabah. Diperoleh dari [http://irep.iium.edu.my/11670/1/Procedng\\_Memperkasakan\\_Pend\\_Luar\\_Bandar.pdf](http://irep.iium.edu.my/11670/1/Procedng_Memperkasakan_Pend_Luar_Bandar.pdf).

Zalika, A., Faridah, K., & Mohamad Johari, S. (2009). Memperkasakan pendidikan luar bandar, 3–5. Prosiding “Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009”, 3–5 Februari 2009.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN